



Hilang kerja, gulung tikar

Tekanan ekonomi kian memuncak

KEGAGALAN Kerajaan Persekutuan mengurus ekonomi dengan baik selain krisis dalaman semasa negara menjadi penyebab kejatuhan nilai ringgit ke paras paling rendah hingga memberi persepsi buruk kepada pelabur.

Sukar untuk menjangkakan tempoh nilai ringgit kembali stabil di pasaran antarabangsa kerana ia bergantung kepada langkah penyelesaian politik negara.

Ekoran masalah itu, rakyat semakin tertekan dengan

peningkatan kos sara hidup yang juga disebabkan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), sejak April 2015.

Kegelisahan rakyat terus memuncak tahun ini apabila Persatuan Pekerja Malaysia (MEF) meramalkan ramai pekerja hilang pekerjaan selain syarikat gulung tikar.

Ikuti berita lanjut di MUKA 2



Gambar oleh: Asrie Sapfie

Pelaksanaan bas percuma Smart Selangor mampu meringankan beban rakyat setempat berikutan tambang pengangkutan awam semakin meningkat dan membuktikan kepekaan Kerajaan Selangor dalam membantu aspek kebajikan rakyat

Bas percuma Smart Selangor diperluas ke luar bandar

OLEH NORHAYATI UMOR

AMPANG - Inisiatif perkhidmatan Bas Smart Selangor bakal terus dilaksanakan kepada masyarakat luar bandar sebelum penghujung tahun ini ekoran sambutan yang menggalakkan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mo-

hamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri memilih tiga kawasan luar bandar antaranya Rawang ke Kuala Kubu Bahru, Kuala Selangor ke Sungai Besar dan Banting ke Sepang.

Beliau berkata, pihaknya sedang mengenal pasti laluan utama yang memberi khusus ke-

pada kawasan sekolah, pasaraya, rumah kos rendah dan institut pengajian tinggi.

"Kita memperuntukkan tambahan RM10 juta tahun ini untuk melaksanakan perkhidmatan bas ini. Kerajaan Negeri mahu melaksanakannya secara menyeluruh supaya manfaat ini

dapat dinikmati termasuk luar bandar.

"Cuma kaedah yang kita gunakan berbeza iaitu di kawasan bandar kita ada perhentian. Manakala di luar bandar mereka boleh tahan depan rumah," katanya selepas pelancaran Bas Smart Selangor di Ukay Perdana

2, pada 5 Januari lalu.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri akan menyemak keupayaan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menambah laluan bas.

Ikuti berita lanjut di muka 10 & 11

2016 sukar dan mencabar

Ramai diberhenti, syarikat gulung tikar

SHAH ALAM - Persekutuan Pekerja Malaysia (MEF) meramalkan 2016 sebagai tahun mencabar dan suram apabila trend menunjukkan peningkatan pemberhentian pekerja juga syarikat gulung tikar.

Pengaruh Eksekutif MEF, Datuk Shamsuddin Bardan, berkata lebih 20,000 pekerja pelbagai sektor diambil secara berlebihan setakat September 2015.

Katanya, pengambilan pekerja tahun ini dijangka perlahan dengan hanya jawatan yang benar-benar perlu diisi sahaja dibuka dan dilaporkan lebih 10,000 pekerja diberhenti pada 2014.

"Dalam konteks Malaysia, ramalan di kebanyakan sektor ekonomi tidak begitu menggalak-

kan dan amat mencabar (bagi 2015) walaupun ekonomi dijangka tumbuh 4.7 peratus KDNK.

"Menjelang penghujung 2015, kita jangka ia mencecah 25,000 (jumlah keseluruhan pemberhentian pekerja). Jumlah itu dijangka bertambah pada 2016 kerana ia tidak dilihat sebagai tahun yang positif," katanya dipetik The Malaysian Insider.

The Edge Weekly melaporkan, Shell Malaysia akan membuang 1,300 pekerja dalam tempoh dua tahun selain mempercepatkan pengurangan kerja dalam industri minyak dan gas kerana kejatuhan harga minyak.

Pemberhentian pekerja pada 2015 juga menyaksikan sektor perbankan mengurangkan tenaga kerjanya.

Di samping pemberhentian pekerja swasta, Shamsuddin berkata, sektor awam juga perlahan dalam pengambilan pekerja dan hanya membuka beberapa jawatan yang benar-benar perlu.

"Kerajaan contoh terbaik (pengambilan pekerja perlahan), mereka membekukan pengambilan pada 2015 kecuali untuk jawatan kritikal jadi itu saja menutup 15,000 peluang pekerjaan dalam sektor awam," katanya.

Shamsuddin berkata, polisi positif kerajaan juga perlu bagi menggalakkan syarikat bertahan dan mengekalkan pekerja mereka selama mungkin, bahkan beberapa negara menyediakan insentif kepada majikan yang tidak memberhentikan pekerja mereka ketika waktu sukar.

SYARIKAT BUANG PEKERJA 2015	
malaysia airlines	6,000
RHB RHB Bank Berhad	2,700
CIMB BANK	3,600
Shell	1,300
Standard Chartered	3,600
HSBC	250
MEF	230

Sebutan semula kes Rahim Tamby Chik 1 Mac

SHAH ALAM - Mahkamah Sesyen Shah Alam menetapkan 1 Mac ini bagi sebutan semula kes bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang didakwa menyiarkan penerbitan menghasut terhadap Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah di akaun Facebook miliknya.

BERNAMA melaporkan Hakim Slamet Yahya menetapkan tarikh itu sementara menunggu keputusan representasi kes berkenaan difailkan pihak pembelaan Abdul Rahim, 65, pada 17 Disember 2015.

Abdul Rahim didakwa melakukan kesalahan itu melalui akaun Facebooknya Rahim TambyChik di Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, di sini, kira-kira jam 8 pagi, 25 September lalu.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 4 (1)(c) Akta Hasutan 1948 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 4 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman

denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Abdul Rahim turut mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pilihan menggunakan akaun Facebook miliknya untuk membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya berhubung dakwaan sama dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain di tempat, masa serta tarikh sama.

Bagi pertuduhan itu, beliau didakwa mengikut Seksyen 233 (1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 233 (3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pihak pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Datuk Nik Suhaimi Nik Sulaiman.

MB terima kunjungan Imam Besar Masjid Nabawi



SHAH ALAM - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menerima kunjungan hormat Imam Besar Masjid Nabawi, Sheikh Abdul Muhsin Al-Qasim di Kuala Lumpur, pada 2 Januari lalu.

Dalam pertemuan itu, beliau dan Sheikh Abdul Muhsin turut berbincang berkenaan ukhawah umat Islam di negara ini selain bertukar pandangan.

"Alhamdulillah, sempat menyantuni Imam Masjid Nabawi, Sheikh Abdul Muhsin Al-Qasim.

"Sheikh Abdul Muhsin

menghadihkan senaskah al-Quran untuk bacaan harian dan menjadi panduan di samping mendoakan keselamatan dan kesejahteraan saya sekeluarga. Ameen," tulisnya di Twitter @AzminAli.

Dalam posting itu juga, Mohamed Azmin turut memaklumkan hajat Sheikh Abdul Muhsin untuk menziarahi beliau sekeluarga di kediamannya di Ampang.

"Sheikh Abdul Muhsin dijangka tiba jam 11 pagi ini.

"Saya dan keluarga amat bersyukur atas kunjungan peribadi ini," katanya.

Persidangan Pimpinan Pakatan Harapan 9 Januari

SHAH ALAM - Pakatan Harapan bakal mengadakan Persidangan Pimpinan buat julung kalinya, pada 9 Januari ini.

Dalam kenyataan bersama, pimpinan Pakatan Harapan menyatakan persidangan itu diadakan di Pusat Persidangan SACC, di sini, bermula jam 9 pagi.

Persidangan itu bakal menyaksikan majlis memeterai Perjanjian Pakatan Harapan

yang mengikat KEADILAN, DAP dan AMANAH di dalam sebuah kesatuan politik yang mampan.

Menurut kenyataan itu, rundingan dan perbincangan memuktamadkan Perjanjian Pakatan Harapan bermula sejak pertengahan Oktober 2015 sejurus selepas pelancarannya.

Keputusan menguatkan persefahaman politik di antara KEADILAN, DAP dan AMANAH

melalui sebuah Perjanjian Pakatan Harapan itu lahir daripada keinsafan yang mahukan pakatan politik lebih bersatu padu dan utuh.

Katanya, Perjanjian Pakatan Harapan ditandatangani pada 9 Januari ini memberi fokus kepada perkara utama yang menjadi pra-syarat kepada pembinaan kesatuan politik tiga parti itu.

Projek mitigasi banjir Kajang berjalan lancar

OLEH AFIX REDZUAN

KAJANG - Perkembangan positif ditunjukkan dalam projek mitigasi banjir di bandar Kajang melegakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, peruntukan RM50 juta yang sebahagian besar sudah digunakan bagi memastikan banjir kilat tidak lagi berulang bermula tahun ini.

"Alhamdulillah berjalan baik. Sebahagian besar peruntukan RM50 juta sudah digunakan.

"Perkembangan positif ditunjukkan selepas projek dijalankan sejak beberapa bulan lalu dan tiada lagi banjir kilat berlaku di Kajang.

"Ini memberikan satu kelegaan kepada peniaga dan penduduk di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja bersama pimpinan negeri bagi melihat perkembangan projek pelebaran Sungai Jerluh, pada 4 Januari lalu.

Pelebaran Sungai Jerluh dari lapan meter kepada 12 meter bermula dari selekoh Metro Kajang dan berakhir di Kampung Kelapa serta pembinaan benteng banjir.

Projek bermula pada 31 Mac 2015 dengan kos RM4.82 juta dan dijangka siap penghujung Mac 2016.

Untuk 2016, beliau berharap banjir kilat tidak berulang di beberapa kawasan di Selangor.

Selain itu, beliau turut mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyelenggara kolam takungan supaya lebih air dapat diurus dengan lebih baik.



Bantah pembinaan The Lourve

Jawatankuasa SMKA Maahad Hamidiah dipanggil ke MTES

KAJANG - Jawatankuasa PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah dipanggil ke Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi mengemukakan fakta bantahan pembinaan kompleks komersial The Lourve.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri sedia maklum bantahan dikemukakan mereka dan memberi jaminan tindakan diambil jika projek itu melanggar syarat ditetapkan.

"Jika ada penyelewengan dan salah guna kuasa, itu kita tidak kompromi.

"Kalau dakwaan dikemukakan tanpa justifikasi dengan fakta tepat, sukar Kerajaan Negeri memberikan pertimbangan," katanya ketika mengadakan kunjungan mesra ke SMKA Maahad Hamidiah sempena lawatan kerja ke Daerah Hulu Langat, pada 4 Januari lalu.

Ketibaan beliau disambut Pengetua, Wan Ruhayah Wan Yaacob dan Penolong Kanan, Mohd Sabri Satar.

Pada 4 Disember 2015, wakil PIBG SMKA Maahad Hamidiah Kajang menghantar memorandum bantahan pembinaan The Lourve yang mendesak campur

Kalau ada penyelewengan dan salah guna kuasa, itu kita tidak kompromi

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

tangan Kerajaan Negeri supaya ia dihentikan.

Dalam bantahan mereka menyatakan projek itu menimbulkan suasana tidak selesa kepada ibu bapa, pelajar dan penduduk sekitar.

MB: Tidak pernah keluar lesen pembalakan

AMPANG - Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen pembalakan membabitkan negeri itu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata tiada aktiviti pembalakan dilakukan melainkan jika membabitkan kepentingan awam.

"Kerajaan Negeri tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan dilakukan, namun Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan jika ia membabitkan orang awam.

"Seperti contoh, baru-baru ini Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat permohonan untuk projek talian elektrik dari Perak ke Cameron Highland melalui Selangor, namun itu akan dipertimbangkan Jabatan Perhutanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian Bas Smart Selangor di Ukay Perdana 2, pada 5 Januari lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata Kerajaan Negeri mengarahkan supaya perkara itu disemak semula kerana membabitkan kawasan hutan dan tadahan air.

"Selangor mengekalkan 30 peratus hutan simpan. Ketika ini, kita mempunyai 32 peratus hutan simpan yang dikekalkan. Itu dasar Kerajaan Negeri.

"Begitu juga dengan pembinaan lebuhraya mereka perlu mematuhi syarat ditetapkan. Saya tidak mahu terlibat dalam fitnah ini, jika ada bukti serahkan sahaja," katanya.

Pada 4 Januari lalu, aktivis Badrul Hisham Shaharin mendakwa kononnya Kerajaan Selangor berbohong berkenaan tender pembalakan di dua bidang tanah melibatkan projek jajaran talian elektrik TNB di Chubadak dan Mahkota Cheras di Kuala Lumpur.

Badrul yang juga dikenali sebagai Chegu Bard mendakwa mempunyai surat berstatus rahsia yang membuktikan dua syarikat dianugerahkan kontrak membalak secara rundingan terus dan bukan tender terbuka.

Menjawab dakwaan itu, Mohamed Azmin mencabar Chegu Bard untuk mengemukakan perkara itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika mempunyai bukti kukuh.

"Tak payah cabar saya. Ikut undang-undang SPRM. Jika ada maklumat mesti serahkan kepada SPRM.

"Kalau ada bukti jangan bersekongkol setiap hari. Jangan bersekongkol dengan TV3, Utusan Malaysia, terus ke SPRM," katanya.

MB: Ahli majlis PBT diumumkan sebelum 16 Januari

AMPANG - Pengumuman perkhidmatan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) tetap diputuskan sebelum 16 Januari ini.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, tidak ada penangguhan berlaku kerana Kerajaan Negeri sudah memuktamadkan keputusan terbabit minggu lalu.

"Ia bukan isu. Perkara itu di-

bincangkan dan saya percaya Kerajaan Negeri menimbangkan penyertaan semua parti politik.

"Kita membuat keputusan dan berkuatkuasa pada 16 Januari. Tak ada penangguhan dan akan diumumkan," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Program Bas Percuma Smart Selangor, pada 5 Januari lalu.

Beliau berkata demikian bagi mengulas soalan pemberita sama ada Kerajaan Negeri sudah membuat keputusan untuk memperuntukkan mana-mana kerusi majlis tempatan kepada Parti Amanah Negara (AMANAH).

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri menerima prinsip demokrasi dalam semua parti politik dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

Kes Nur Amirah dakwa diculik

Jadikan pengajaran, jangan ulangi perkara sama

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Generasi muda dinasihatkan untuk tidak melakukan perbuatan di luar kawalan dan menyalahi undang-undang yang mengundang kesusahan kepada keluarga serta pihak lain.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata kes Nur Amirah Atirah Abdul Majid, 14, membawa pe-ngajaran bahawa perkara seperti itu tidak sewajarnya dilakukan seorang remaja.

"Dimaklumkan dia dijumpai dalam keadaan selamat dan bukan kes culik. Kita pun kesal kerana perkara seperti ini berlaku. "Ibu bapanya begitu sedih dengan apa berlaku dan mengharap dia selamat. Kita tidak mahu perkara sama diulangi remaja lain," katanya kepada Selangor Kini di sini, hari ini.

Beliau berkata, perkara berlaku itu amat dikesalkan kerana ia membabitkan banyak pihak termasuk polis, masyarakat dan sebagainya.

Katanya, tindakan diambil remaja terbabit adalah salah dan satu penipuan.

"Pendidikan perlu diberikan kepada anak-anak dan remaja kita supaya tidak melakukan perkara sebegini bagi menjadikan mereka lebih bertanggungjawab.

"Ibu bapa juga diminta mengambil berat dan memberikan sepenuh kasih sayang kepada

anak-anak supaya mereka tidak terabai," katanya.

Sebelum ini, masyarakat digemparkan dengan kes penculikan gadis 14 tahun dari Klang oleh sebuah Van Putih. Ketika peristiwa berlaku, mangsa didakwa sedang berjalan pulang keseorangan ke rumahnya di kawasan Pelabuhan Klang Utara.

Manakala, pihak polis mengesahkan menerima laporan kehilangan mangsa pada jam 8.20 malam 28 Disember 2015.

Difahamkan, mangsa sempat membuat panggilan kecemasan kali terakhir kepada kakak mangsa pada 29 Disember 2015 dan memaklumkan bahawa dirinya diculik. Rakaman perbualan ringkas itu mula menjadi viral ekoran mangsa mengesahkan dia dilarikan menuju ke Johor Bahru oleh dua suspek berbangsa India.

Bagaimanapun, mangsa ditemui selamat bersama seorang lelaki di Banting, 30 Disember lalu.

Ibu Nur Amirah mohon maaf

SHAH ALAM - Ibu kepada remaja Nur Amirah Athirah Abdul Majid, Asmah Mamai memohon maaf di laman Facebook berhubung insiden kes culik anaknya.

Menurut laman facebooknya, Asmah memaklumkan beliau menerima maklumat daripada polis berkaitan anaknya selamat ditemui dan beliau memohon maaf kepada semua pihak yang prihatin.

"Diucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia kerana tidak jemu mengikuti perkembangan kes anak saya.

"Minta maaf seandainya kalau selama kehilangan anak saya ada perkara negatif berlaku," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada polis yang bertungkus lumus menjalankan tugas menjejaki anaknya.

Sebelum ini, Nur Amirah Athirah yang dilaporkan hilang didakwa diculik 27 Disember sebelum ditemui selamat bersama seorang lelaki di Banting, 30 Disember lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat berkata, mereka berjaya dijejaki polis dalam ope-



Minta maaf seandainya kalau selama kehilangan anak saya ada perkara negatif berlaku

ASMAM MAMAI
Ibu Amirah

rasi dijalankan di kawasan berkenaan.

"Kita berjaya mengesannya dan mengekorinya hingga ke Putrajaya sebelum menahan kedua-dua mereka di sebuah stesen minyak di situ," katanya.



'Black 505': Nik Nazmi didakwa kali ketiga

SHAH ALAM - Exco Selangor Nik Nazmi Nik Ahmad dihadapkan ke Mahkamah Tinggi atas dakwaan menganjurkan perhimpunan 'Black 505' tanpa kebenaran di Stadium Kelana Jaya, kira-kira tiga tahun lepas.

BERNAMA melaporkan Nik Nazmi, 34, yang didakwa untuk kali ketiga bagi kesalahan itu, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ghazali Cha.

Mengikut pertuduhan, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) itu didakwa gagal memaklumkan kepada Ketua Polis Daerah

Petaling Jaya dalam tempoh 10 hari sebelum penganjuran program 'Black 505' di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan didakwa melakukan perbuatan itu di Stadium MBPJ, Kelana Jaya di Petaling Jaya pada 8.30 malam, 8 Mei 2013.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman 2012, yang boleh dihukum menurut Seksyen 9(5) akta sama, yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000 jika sabit kesalahan.

Dalam pendakwaan hari ini, mahkamah membenarkan jaminan

RM1,000 terhadap Nik Nazmi dengan seorang penjamin dan menetapkan 13 hingga 16 Jun depan sebagai tarikh perbicaraan, manakala 19 Februari sebagai tarikh sebutan semula kes.

Ketika ditemui pemberita setelah selesai prosiding, peguam Syahredzan Johan yang mewakili Nik Nazmi berkata pihaknya akan memfailkan permohonan minggu ini bagi membatalkan pertuduhan yang dihadapi anak guamnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahruddin Wan Ladin.

Bersih tangki tingkat kecekapan LPA Kalumpang

SHAH ALAM - Kerja pembersihan tangki air imbang dijalankan pada 12 Januari ini bermula jam 8:00 pagi hingga 9:00 malam bagi sebahagian usaha menambahkan kecekapan sistem rawatan air di LPA Kalumpang.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Kumpulan Pengurusan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, berkata pengguna di kawasan terli-

bat dinasihati menyimpan bekal air secukupnya sebelum 12 Januari bagi kegunaan sepanjang tempoh gangguan.

Katanya, segala usaha diambil menyiapkan kerja pembersihan secepat mungkin untuk pemulihan bekalan air lebih awal di kawasan terlibat.

"Kawasan di Hulu Selangor yang akan mengalami gangguan

bekalan air dan tekanan air rendah adalah Taman Tempua Bestari dan Gumut Tambahan," katanya dalam kenyataan.

Untuk maklumat lebih lanjut, pengguna boleh muat turun aplikasi mySYABAS (melalui Google Playstore and Apple AppStore) atau melayari www.syabas.com.my; Facebook 'puspel' atau Twitter 'puspel syabas'.

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Nortayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik, CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 E-mel: info@mediaselangor.com

Ekonomi semakin menekan

Ibu bapa akui kos persekolahan meningkat

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kos pembelajaran yang tinggi semakin dirasakan rakyat terutama ibu bapa yang membuat persiapan anak yang baru memulakan persekolahan 2016 ini.

Kebanyakan ibu bapa menganggarkan jumlah RM850 ke atas diperlukan untuk membeli kelengkapan anak masuk sekolah khususnya sekolah rendah. Manakala, kos untuk anak di sekolah menengah pula pastinya lebih tinggi.

Pembantu tadbir, Rizuan Jamil, 35, berkata beliau membelanjakan lebih RM1,500 untuk musim persekolahan baharu.

"Memandangkan ini adalah anak pertama kami masuk ke sekolah jadi banyak kelengkapan yang perlu dibeli antaranya pakaian seragam, alat tulis dan beg sekolah.

"Baju sekolah bukan boleh sehelai, sekurang-kurangnya lebih dua helai. Jadi sedikit terbeban kerana harga barangan sekarang agak tinggi berbanding dahulu," katanya kepada Sela-



Rizuan Jamil



Nurul Lida

ngorKini.

Ayah kepada pelajar tahun satu, Nur Farisha Alia, Zaili Suratini, 38, berkata sedikit sebanyak beberapa perbelanjaan yang lain perlu dikurangkan bagi persiapan anak sekolah.

"Sebagai ibu bapa tidak menjadi beban untuk membuat persiapan anak ke sekolah, tetapi kami terasa beban apabila barangan semakin meningkat berbanding dulu.

"Antara salah satu punca disebabkan kebanyakan barangan dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Walaupun ada sesetengah ba-

rang yang tidak dikenakan GST tetapi masih ada peningkatan," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Nurul Lida Ahmad, 30, sedikit terbeban dengan kos yang tinggi terutama hanya suami yang menanggung perbelanjaan isi rumah memandangkan beliau suri rumah.

"Lebih RM850 yang kami belanjakan untuk persiapan walaupun ini anak pertama.

"Jika ditambahkan dengan kos pengangkutan, kelas tuisyen dan kos sampingan pasti memerlukan lebih perbelanjaan," katanya.

Tambang bas sekolah dijangka naik

SHAH ALAM - Kenaikan kadar tambang bas sekolah 2016 dijangka meningkat dan tidak dapat dielakkan bagi menyerap kos operasi yang ditanggung pengusaha dan operator bas sekolah.

Presiden Persekutuan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia (PPPBSM), Amali Munif Rahmat, berkata pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sejak April lalu mengakibatkan perkara itu dan ia mendatangkan kesan kepada mereka.

Katanya, mesyuarat persatuan pada 8 Disember lalu menyaksikan keluhan daripada pengusaha dan operator ekoran peningkatan kos agak ketara sejak pelaksanaan GST.

"Segala barang keperluan termasuk alat ganti kenderaan semuanya dikenakan GST, maka ia meningkatkan kos.

"Ia agak ketara dan lebih terbeban apabila nilai mata wang turun kerana banyak alat ganti diimport daripada luar, manakala kadar tambang ketika ini hanya menampung keperluan serta sekadar cukup makan untuk golongan ini," katanya kepada SelangorKini.

Berikutan itu, katanya, pengusaha bas sekolah mungkin terpaksa menaikkan sedikit kadar tambang untuk meraih keuntungan.

"Bagaimanapun, kita sarankan operator tidak menaikkan kadar tambang kerana ibu bapa terbeban dengan kenaikan kos

Segala barang keperluan termasuk alat ganti kenderaan semuanya dikenakan GST maka ia meningkatkan kos la agak ketara dan lebih terbeban apabila nilai mata wang turun kerana banyak alat ganti diimport daripada luar

AMALI MUNIF
Presiden PPPBSM

sara hidup.

"Kalau boleh tidak naik bas tetapi jika terpaksa, maka ia perlu pada kadar minima," katanya.

Berhubung pemberian subsidi, beliau berkata, permohonan PPPBSM sudah dibuat supaya operator diberikan keistimewaan berkaitan tambang dan bahan api untuk mengurangkan kos operasi.

"Sejak 2013 hingga sekarang yang dikatakan rasionalisasi subsidi itu adalah sebenarnya mengurangkan subsidi. Maksudnya kos ditanggung akan bertambah," katanya.

Sewa rumah kedai tampung kebanjiran pelajar

SHAH ALAM - Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Sungai Kapar Indah terpaksa menyewa rumah kedai bagi meneruskan perkhidmatan pendidikan berteraskan agama akibat pertambahan pelajar melebihi 700 orang bagi sesi 2016.

Walaupun berdepan kekangan, Persatuan Ibubapa Dan Guru (PIBG) serta tenaga pengajar tetap komited mengambil inisiatif menyediakan kemudahan asas pembelajaran tambahan sebagai mengatasi kekangan kewangan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pihaknya bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) turut membantu dalam proses pembersihan semula bangunan tinggal yang kini disewa untuk dijadikan kelas.

Katanya, enam penghawa dingin juga disumbangkan demi memastikan keselesaan ketika sesi pembelajaran.

"Inisiatif segera ini juga diambil selepas pentadbiran SRA menerima keputusan dari pentadbiran SK agar

mencari premis lain kerana masalah tertentu. Satu tempoh masa diputuskan untuk tidak beroperasi di sana serta mengosongkan premis itu. Walaupun bagaimanapun, kelas SRA di bangunan lama masih digunakan sehingga hari ini.

"Kebersamaan kami ini sebagai suntikan semangat kepada pihak pentadbiran dan guru agar tidak mudah putus asa dan terus bersungguhsungguh menyemai bakti mengajar," katanya dalam kenyataan.

Di samping terharu dengan inisiatif itu, Daroyah yang juga Adun Sementara turut menyeru pihak berkemampuan tampil mengemukakan sumbangan untuk meringankan beban.

"Besarnya harapan saya jika mana-mana badan korporat, anak-anak syarikat, organisasi atau orang persendirian yang berhajat dapat bersama menyalurkan bantuan.

"Ia bagi meringankan beban dalam usaha memastikan proses pembelajaran tidak terhenti dan akan berterusan," katanya.



Tokoh Nobel Keamanan Dunia

Anwar Ibrahim wajar dicalon

OLEH AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Aktivis Reformasi Malaysia bersama 10 NGO lain menyokong usaha mencalonkan Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Tokoh Nobel Keamanan Dunia.

Jurucakapnya, Saari Sungib, berkata pemenang dua kali anugerah Nobel, Amnesty International mengisytiharkan Anwar sebagai 'Prisoner of Conscience'.

Anwar Nobel 'Status 'Prisoner of Conscience' diberikan kepada tokoh yang berjuang di atas keyakinan dan keikhlasan mendukung cita-cita yang berakar umbi daripada aspirasi rakyat.

"Paling penting, perjuangan ini dilakukan secara aman tanpa menyeru atau menggunakan kekerasan," katanya dalam sidang media di Bilik Syarahan MBPJ, 5 Januari lalu.

Jelas Saari, sokongan diberikan kepada mantan Ketua Pembangkang itu kerana beliau memainkan peranan menyuburkan proses dan amalan demokrasi serta menguatkan barisan pembangkang.

Mantan Ahli Parlimen Per-

matang Pauh itu juga memainkan peranan menerajui reformasi sama ada di dalam atau luar penjara dengan permuafakatan pembangkang secara aman.

Selain itu, Anwar terlibat meningkatkan kesedaran orang awam dan anak muda untuk bersama dalam agenda Reformasi serta menyertai himpunan jalan-aman.

"Beliau berperanan dalam meluaskan perkongsian rakyat terhadap prinsip dan nilai murni seperti keadilan untuk semua, tatakelola yang baik, telus, bebas daripada rasuah serta penyelewengan," katanya.

Anwar Ibrahim dipenjarakan buat kali ketiga dalam sejarah hidupnya selepas gagal mengepikkan kes Fitnah 2, pada Februari 2015.

Beliau kini menjalani hukuman penjara lima tahun di Penjara Sungai Buloh.

Dalam perkembangan sama, Aktivis Reformis bakal mengemukakan Konvensyen Reformasi Rakyat di Shah Alam pada 2 April ini dan Himpunan Selamatkan Malaysia - Bebas Anwar - Bebas Rakyat di Dataran Merdeka jam 2 petang pada 3 April ini.



Pencalonan Hadiah Nobel Keamanan membuktikan kepemimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dikagumi di mata dunia

Umno dan parti semenanjung jangan lebar sayap

SHAH ALAM - Pilihan Raya Negeri Sarawak dijangka berlangsung pada Mac ini, kata Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem.

Adenan menyeru rakyat Sarawak memberi lima tahun lagi tempoh buatnya untuk menerajui negeri itu ketika berucap pada Sambutan Tahun Baru 2016 dan Sarawak Bebas Tol di Jambatan Tun Abang Mohamad

Salahuddin, pada 31 Disember lalu.

"Jika kita boleh bersama menunaikan janji, maka Sarawak akan menjadi sebuah negeri yang aman dan makmur," lapor Bernama.

Adenan juga berkata, beliau sudah mendapat persetujuan pemimpin Umno bahawa parti itu tidak akan melebarkan sayapnya ke Sarawak dan turut me-

nyekat parti lain dari Semenanjung untuk datang ke negeri itu.

"Saya juga mahu supaya DAP, PKR dan parti Semenanjung tidak datang ke Sarawak," katanya.

Pada majlis itu, beliau juga mengumumkan tiga wakil rakyat bagi kerusi Pantai Damai, Satok dan Samariang akan dicalonkan semula pada pilihan raya akan datang.

Jelaskan isu perisian pengintipan

SHAH ALAM - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azlina Othman perlu menjawab dakwaan jika syarikat Kementerian Kewangan memainkan peranan pada Pilihan Raya Umum ke-13.

Pengarah Strategik Keadilan, Sim Tze Tzin, berkata sebelum ini jawapan bertulis di Parlimen pada November lalu menjelaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mungkin menggunakan perisian pengintipan.

Katanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebelum ini menafikan Pejabat Perdana Menteri (PMO) menggunakan perisian itu.

"Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Paul Low menyatakan badan anti rasuah itu mendapat perkhidmatan syarikat Kementerian Kewangan.

"Dalam jawapan bertulis itu, Low berkata SPRM memerlukan teknologi baru untuk menjalankan tugasnya dan mendapat peralatan teknikal dan operasi yang terkini juga bersesuaian daripada syarikat pembekal," katanya dalam kenyataannya.



Sim Tze Tzin

Tze Tzin berkata, jawapan menteri itu bukti dakwaan Rozario dan bercanggah dengan jawapan Azalina sebelum ini walaupun Low tidak menyatakan perisian itu diperoleh daripada syarikat itu.

"Dengan lebih banyak bukti keluar, ia mengesahkan dakwaan Rozario dan adalah penting bagi PMO menjawab secara serius sama ada ia membeli spyware dari Hacking Team.

"Jika ya, adakah PMO mempunyai autoriti atau kuasa (di bawah undang-undang) untuk menggunakan spyware?," soalnya.

Semua parti berhak bertanding

HULU KLANG - Semua parti berhak bertanding dan melebarkan sayap kuasa di Sarawak kerana bumi kenyalang itu sebahagian daripada asas pembentukan Malaysia.

Timbalan Presiden Keadilan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sudah menjadi tanggungjawab parti politik peringkat nasional bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak tanpa perlu dihalang, bahkan sudah bertanding sejak awal lagi.

"Sarawak sebahagian daripada Malaysia. Pembentukan Malaysia itu di atas persetujuan Sarawak.

"Sebagai parti yang bersifat nasional memang menjadi tanggung-

jawab kita untuk bersama (bertanding) dalam PRN Sarawak. Itu bukan perkara baru sebab kita sudah serta sejak awal lagi, bahkan menang beberapa kerusi," katanya yang juga Menteri Besar Selangor.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem yang meminta parti semenanjung, UMNO, PAS, DAP dan Keadilan tidak melebarkan sayap ke negeri itu.

Mohamed Azmin berkata, Keadilan sudah lama bersedia menghadapi PRN Sarawak dan hanya menunggu pengumuman tarikh.

Sarawak sebahagian daripada Malaysia. Pembentukan Malaysia itu di atas persetujuan Sarawak

MOHAMED AZMIN
Timbalan Presiden
KEADILAN

Rakyat derita

Bantuan BN umpama 'koyok dan panadol'



OLEH AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Bantuan dihulurkan Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat bagi mengurangkan bebanan sara hidup bersifat 'koyok atau panadol' yang hanya melegakan seketika namun terus menderita.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua berkata, Kerajaan Persekutuan sendiri yang memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhid-

matan (GST) selain menaikkan harga barang seperti tambang perkhidmatan awam hingga mengakibatkan bebanan kewangan rakyat.

"Segalanya berpunca daripada dasar BN hingga mengakibatkan rakyat menderita.

"Tapi rakyat hanya diberikan sedikit wang seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada keluarga yang susah dengan publisiti besar," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Kerajaan Persekutuan yang memberikan bantuan untuk meringankan beban rakyat namun dalam masa sama menaikkan harga barangan keperluan.

Suasana ekonomi semasa menyaksikan ibu bapa paling terkesan di permulaan 2016 apabila sesi persekolahan kembali yang menyaksikan perbelanjaan persiapan meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Harga barang naik, rakyat semakin tertekan

SHAH ALAM - Rakyat semakin terhimpit dengan kos sara hidup yang semakin meningkat ditambah sikap tidak prihatin Kerajaan Persekutuan mengurangkan subsidi.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata rakyat bakal menghadapi saat getir menghadapi 2016 apabila Kerajaan Persekutuan mengurangkan subsidi diberikan.

"Yang mana subsidi perlu ditarik, ia akan dilakukan antaranya barang keperluan seperti minyak masak, beras dan tepung.

"Hal itu memberi kesan kepada pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah dan beban Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) juga perlu ditanggung," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, walaupun ada setengah barang yang tidak ditarik subsidi tetapi kemungkinan kenaikan harga bakal berlaku akibat peniaga menanggung beban GST.

"Ia bakal memberi impak dan tekanan kepada rakyat dalam menghadapi 2016. Bagaimanapun, harga petrol dan elektrik masih kekal dan tiada kenaikan dilaporkan," katanya.



Mohd Yusof

Tsunami inflasi bakal berlaku

SHAH ALAM - KEADILAN menjangkakan 'tsunami inflasi' bakal menimpa negara tahun ini ekoran pemotongan pelbagai subsidi oleh Kerajaan Persekutuan.

Pengarah Strategi KEADILAN, Sim Tze Tzin, berkata antaranya pemotongan subsidi elektrik, beras, minyak masak dan tepung gandum.

Katanya, Kerajaan Persekutuan juga membuat pengumuman harga gas asli bakal dinaikkan, mulai bulan ini.

"Ia sudah pasti melonjakkan tarif elektrik kerana separuh penjanaan elektrik di negara kita menggunakan gas asli sebagai bahan api.

"Akibatnya, barang akan dijual pada harga lebih tinggi," katanya dalam kenyataan media.

Beliau berkata, pembentukan jawatankuasa baru dipengerusi-

kan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bagi mengatasi kenaikan harga barang dan kos sara hidup bukan penyelesaian kepada masalah itu.

Katanya, Kerajaan Persekutuan pernah menubuhkan jawatankuasa seumpamanya pada Julai 2011 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, namun tiada hasil.

"Apa yang dilaksanakan kerajaan selepas berjuta ringgit dibelanjakan dalam makmal itu? Berapa banyak lagi jawatankuasa yang ingin ditubuhkan?

"Hakikatnya, fenomena harga barang yang kian meningkat ekoran kegagalan dasar ekonomi kerajaan BN. Pelaksanaan GST, pemotongan subsidi, pengurangan rebat tarif elektrik, kenaikan tol dan harga tiket pengangkutan awam semua diputuskan kerajaan BN sendiri," katanya.



MAZA sedih MAS hidang arak

SHAH ALAM - Kisah sedih luahan hati pramugari yang terpaksa menghidangkan arak dan tidak dibenarkan memakai tudung mendapat perhatian Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Asri berkata, beliau simpati dan tersentuh dengan luahan hati pramugari Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) itu.

"Malam ini jiwa saya agak tersentuh. Dalam penerbangan MAS malam ini, seorang pramugari datang mengadu dan menangis di hadapan saya berkenaan nasibnya.

"Jiwanya menderita kerana terpaksa menghidangkan arak dan tidak dibenarkan memakai tudung. Dia bekerja untuk menyara anaknya dan ini bukan kali pertama saya mendengar aduan seperti ini.

"Saya sangat simpati dan tersentuh. Lebih sedih, memikirkan MAS sebuah syarikat penerbangan negara yang majoriti penduduknya muslim," tulisnya dipetik di laman Facebook.

Asri turut mengajak rakyat memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya wanita muslimah yang bertugas sebagai pramugari MAS diberi keizinan memakai pakaian memenuhi sifat pakaian wanita muslimah.

Saya sangat simpati dan tersentuh. Lebih sedih, memikirkan MAS sebuah syarikat penerbangan negara yang majoriti penduduknya muslim

ASRI ZAINUL ABIDIN
Mufti Perlis

"Juga pekerja muslim dan muslimah diharap tidak ditugaskan untuk menghidangkan arak," tulisnya.

Asri berkata, beliau hairan mengapa MAS perlu menyediakan hidangan arak kerana banyak lagi syarikat penerbangan lain tidak menghidangkan minuman itu.

"Marilah kita menyokong permohonan ini kepada kerajaan yang sering melaungkan nama Islam dalam pelbagai slogannya. Mohon mencadangkan," katanya.

REAKSI PEMIMPIN
**ISU
BAUKSIT
PAHANG**

Isu bauksit semakin meruncing. Rakyat dan alam menjadi mangsa kerakusan pihak tidak bertanggungjawab

Isu operasi bauksit di Kuantan sudah melangkaui dan melanggar hak kemanusiaan dan alam. Rakyat bukan sahaja menanggung risiko kesihatan sekarang tetapi pada masa hadapan.

Rakyat bukan lagi tuan yang sepatutnya ditunaikan hak dan amanah ke atasnya tetapi menjadi hamba kepada tuan yang tamak haloba dan seolah-olah lupa Tuhan



**Syed Ibrahim Syed Noh,
Ketua Penerangan KEADILAN**

Kami mendesak Menteri Besar Pahang Adnan Yaakob yang kelihatan membusu dalam isu bauksit menyelesaikan isu ini dengan segera. Rakyat Pahang malahan seluruh Malaysia masih menanti-nantikan jawapan daripada MB Pahang yang masih membusu sehingga sekarang



**Lee Chean Chung,
Ketua Biro Alam Sekitar KEADILAN**

Pencemaran air dan udara akibat perlombongan bauksit di Kuantan sudah tidak terkawal. Sungai dan air laut bertukar warna akibat perlodakan dan debu merah memenuhi ruang udara di kawasan perlombongan, sepanjang jalan lori pengangkut bijih dan di kawasan pelabuhan.

Lebih mendesak, komuniti setempat menjadi mangsa utama pencemaran alam sekitar. Pasti, proses perlombongan bauksit ini melampaui kelestarian alam



**Prof Emiritus Ibrahim Komoo,
Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis
Profesor Negara (MPN)**

Tidak wajar membiarkan warga Kuantan terus menerus berada di dalam 'Neraka Dunia' semata-mata kerana Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan MB Pahang tidak ada kesungguhan dan tiada kekuatan politik untuk melaksanakan keputusan kabinet itu.

Keadaan di Kuantan kini terlalu mencemaskan dan melibatkan 700,000 warga Kuantan yang terdedah kepada risiko kesihatan yang amat tinggi

**Fuziah Salleh,
Pengerusi Gabungan Badan Bertindak Menentang
Pencemaran Bauksit, Ahli Parlimen Kuantan**

Sikap Kerajaan Pahang yang masih gagal dalam menangani isu pencemaran Bauksit yang menghantui penduduk di Kuantan selama ini amat dikesali



**Muhammad Sanusi Md Nor,
Pengerusi Lajnah Asas Tani
& Alam Sekitar PAS**

Misteri Sungai Tonggek

Kematian ribuan ikan perlu disiasat

SHAH ALAM - Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar digesa menyiasat segera punca kejadian ribuan ikan mati di Sungai Tonggek, Balok di Pahang.

Adun Besar, Andansura Rabu, berkata segala hasil analisa dan kajian perlu diumumkan kepada orang ramai dengan telus bagi mengelakkan pelbagai spekulasi tidak berasas.

Katanya, sungai itu di hulunya adalah kawasan perindustrian Gebeng serta terdapat juga kawasan penyimpanan bauksit.

"Orang ramai perlu tahu punca sebenar, adakah daripada sisa buangan kilang di Gebeng atau sisa simpanam bauksit atau mungkin juga akibat aktiviti tuba," kata Andansura dalam ke-



nyataan media.

Katanya, beliau mendesak pihak berwajib supaya mengeluarkan arahan kepada orang ramai

supaya tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan di sepanjang sungai ini sehingga ia disahkan selamat.



Gambar sumber The Malaysian Insider

Bauksit: Tak cukup gantung tiga bulan

SHAH ALAM - Penggantungan tiga bulan ke atas perlombongan bauksit di Kuantan tidak mencukupi bagi melakukan sekaman peraturan dan penguatkuasaan undang-undang.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, berkata lebih banyak masa diperlukan bagi tujuan itu memandangkan kemusnahan alam sekitar yang teruk akibat kelemahan Kerajaan Pahang daripada segi kawalan dan pemantauan.

"Gantung (operasi) itu bukan begitu saja. Paling penting kenapa banyak pelombong haram.

Itu sebab kena tengok kenapa selama ini aspek penguatkuasaan gagal.

"Jika gantung setakat nak bagi rakyat diam, tidak guna. Harus segera disusuli pemuliharaan alam sekitar. Akibat banyak tanah dikorek sampai jadi botak, tindakan memulihara hal kritikal perlu dilakukan sekarang," katanya dipetik Malaysia Dateline.

Mengakui kesal dengan situasi luar kawalan di pihak Menteri Besar Pahang dalam menangani isu berlarutan sehingga sudah memakan korban, pada 21 Disember lalu.

Beliau menyifatkan Kerajaan Pahang seakan hilang upaya untuk melaksanakan tindakan tegas terhadap mereka yang terbabit.

"Bebas untuk semua daripada A hingga Z membabitkan aspek melombong, mengorek, mengangkut sehingga mengurus 'stockpile' dan mengalih ke atas kapal untuk diekspor," katanya.

Beliau berkata, Konsortium Pelabuhan Kuantan (KPC) perlu turut bertanggungjawab kerana pengeksport menyewa untuk menggunakan kawasan sekitar pelabuhan itu.

OLEH AFIX REDZUAN

KAJANG - Perkhidmatan Bas SMART Selangor diteruskan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dengan kos operasi bernilai RM1.124 juta selepas perkhidmatan sama dimulakan tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) lain sejak Julai 2015.

Detik bersejarah itu disempurnakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di Kompleks Hentian Kajang, Jalan Reko sambil disaksikan Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim bersama Yang Dipertua MPKJ, Mohd Sayuthi Bakar.

Mohd Sayuthi berkata, perkhidmatan bas secara percuma itu bermatlamat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar yang padat dengan penduduk.

"Kita mahu menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan dijangkakan laluan ditetapkan mendapat sambutan menggalakkan," katanya dalam ucapan aluan majlis perasmian.

Bas SMART Selangor adalah antara inisiatif Kerajaan Negeri mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.

Cadangan memperluas Bas SMART Selangor sudah lama dibincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum MPKJ mengemukakan cadangan laluan dan diluluskan, pada 3 Disember 2015.

Prihatin kurangkan kos rakyat

Bas percuma Smart Selangor kini di Kajang



452,000 sudah guna

AMPANG - Lebih 452,000 pengguna menggunakan perkhidmatan bas percuma Smart Selangor sejak diperkenalkan, Julai 2015.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS, Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim berkata statistik itu bermula Julai hingga November 2015.

"Daripada statistik yang kita terima, jumlah ini menunjukkan peningkatan setiap bulan sejak dilancarkan. Pada Julai 2015, sebanyak 26,709 pengguna dan meningkat kepada 57,246 pengguna pada November," katanya di Majlis Pelancaran Bas Smart Selangor, di Ukay Perdana 2, di sini.

Chang Khim berkata, Kerajaan Negeri turut merancang menambah satu laluan baru di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menyediakan perkhidmatan itu.

"Kerajaan Negeri bukan sahaja membekalkan laluan bas tapi rangkaian secara menyeluruh di LRT, MRT dan BRT," katanya.

Sebelum ini, perkhidmatan bas percuma oleh Kerajaan Negeri dilancarkan pada 1 Julai 2015 membabitkan 11 bas yang beroperasi di tiga kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).



BAS SMART SELANGOR

- Julai 2015 - Kerajaan Negeri belanja RM 3.5 juta di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK)
- Bagi 2016, Kerajaan Negeri memperluaskan perkhidmatan Bas 'Smart Selangor' di MPAJ dan MPKJ dengan tambahan peruntukan RM10 juta
- Bertujuan kurangkan penggunaan pengangkutan persendirian menuju ke arah 'Negeri Hijau'
- Dapat sambutan menggalakan dalam kalangan pelajar universiti, pekerja kilang dan penjawat awam

Chang Khim berkata, Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan perkhidmatan bas secara percuma bagi meningkatkan kelesaan dan kepentingan rakyat selaras dengan pembangunan pesat dan peningkatan penduduk di Selangor.

Beliau berkata, ia juga satu bentuk usahasama antara Kerajaan Negeri dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat bas terpilih iaitu Rapid Bus Sdn Bhd.

Semua Bas Smart Selangor mempunyai ciri yang lengkap

dengan kemudahan tempat duduk berkapasiti 60 penumpang, kemudahan Wifi dan mesra orang kelainan upaya (OKU).

Inisiatif perkhidmatan bas percuma itu bakal diperluaskan ke kawasan luar bandar seperti pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MPSJ), Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) secara berperingkat mulai tahun ini.



BAS SMART SELANGOR MPAJ

- 1 Januari - 341 Penumpang
- 2 Januari - 626 Penumpang
- 3 Januari - 816 Penumpang
- 4 Januari - 940 Penumpang

OLEH NORHAYATI UMOR

MPAJ PBT ke-5 laksana Bas Smart Selangor

Alternatif terbaik atasi masalah trafik Ampang

AMPANG - Empat buah bas dengan peruntukan RM1.2 juta diserahkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi meneruskan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran terbabit.

Yang Dipertuanya, Abd Hamid Hussain, berkata ia bertujuan untuk menggalakkan warga Ampang Jaya menukar cara pengangkutan daripada menggunakan kereta persendirian kepada Bas Smart Selangor.

Katanya, MPAJ juga melaksanakannya bagi meredakan kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan dan jalan utama.

"Perkhidmatan secara percuma ini membabitkan kawasan sekitar Ukay Perdana, Kampung Sungai Sering dan AU Keramat yang menjadi sasaran utama MPAJ.


"Tempoh perjanjian adalah selama setahun. Perjanjian ini disemak dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian perkhidmatan bas ini," katanya di majlis pelancaran Bas Smart Selangor, di Ukay Perdana 2, di sini.

Abd Hamid berkata, 2,734 pengguna sudah menggunakan perkhidmatan bas itu sejak mula beroperasi iaitu, pada 1 Januari lalu.

"Sebanyak 18 perhentian laluan pergi dan 17 perhentian laluan pulang," katanya.



LALUAN BAS



- Kapasiti 60 orang penumpang
- Mesra Oku dan bebas halangan
- Tempat duduk keutamaan
- Sistem maklumat penumpang
- Perkhidmatan Wifi

WAKTU OPERASI SETIAP HARI
6 pagi - 10 malam
KEKERAPAN PERJALANAN
15-20 minit



Laluan Bas Smart Selangor bermula daripada Ukay Perdana di hadapan Pangsapuri Sri Puteri, Jalan Ukay Perdana ke Jalan Riana Ukay 1, Jalan Mulia 1/5 ke Jalan Riana, Jalan Sungai Sering, Jalan AU4, AU5, Persiaran Permata dan Lorong Sering 5. Laluan itu membantu penduduk Taman Lembah Keramat untuk ke Sekolah Menengah Keramat dan pasaraya Giant.



01



02



03



06



05



04



07



08

01
Adun Taman Medan, Haniza Talha mengedarkan kalendar 2016 sebagai pembuka tirai tahun baru di Petaling Jaya

02
Adun Tanjung Sepat, Ir Haslin Mohd Hassan meraikan final beregu pertandingan badminton Piala Dato Ketua Kampung Kundang

03
Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari hadir memeriahkan pertandingan bowling terbuka anjuran Wanita KEADILAN cabang Shah Alam, di Ole-Ole Seksyen 18

04
Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahalan pada program Projek Burung Pungguk MPSJ

05
Adun Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah turun padang di Jalan Besar, Seri Kembangan dalam usaha membina jejantas demi keselamatan pejalan kaki

06
Adun Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz menziarahi Ahli Cawangan Batu Rembang yang patah kaki akibat kemalangan

07
Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyampaikan sumbangan kepada Rumah Anak Yatim Peribadi Mulia di Sungai Kantan sambil meninjau keperluan mereka

08
Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali sempat hadir meraikan majlis perkahwinan anak Ketua Kampung Telok Gadong

09
Adun Sabak, Sallehen Mukhyi mengedarkan kalendar DUN berkenaan kepada pengunjung Pasar Basah Sabak Bernam



09

Perang Melaka - Portugis 1511

Siapa sebenarnya ketua - ketua perang?

OLEH DR. MOHAMMAD ALINOR ABDUL KADIR
Felo Institut Darul Ehsan (IDE)

Teks-teks bertulis di Alam Melayu sepertinya tidak merakamkan dengan agak terperinci berkenaan penaklukan pertama Bangsa Eropah terhadap Bangsa Melayu, malah belumpun ada kajian yang agak teliti dikalangan sarjana Melayu sekarang memperihalkan kisah hasrat Bangsa Portugis menakluk Melaka semenjak kedatangan mereka pertama kali pada 1498 di Melaka.

Memandangkan teks-teks tempatan tidak mengandungi maklumat yang tuntas tentang Perang Melaka-Portugis 1511 ini, makanya teks-teks luar perlulah disemak jika seseorang mahu mengkajinya.

Contohnya, dipertanyakan, adakah teks-teks China, India, Arab, Parsi, Vietnam, Thailand, Eropah, dll berbicara tentang perang ini? Ini lagilah sukar dikaji, sebab memerlukan seseorang penyelidik tersebut mahir dalam bahasa-bahasa asing.

Pasukan penyelidik yang kami usahakan membentuknya di Institut Darul Ehsan (IDE) belum lah mampu melakukan tugas berat ini. Yang kami mahu sampaikan disini adalah cebisan te-laah yang kami lakukan terhadap teks-teks Portugis semenjak 1498 yang berbicara banyak tentang Melaka.

Teks manuskrip lama dikaji

Teks yang kami maksudkan adalah sebuah manuskrip Portugis kurun ke-17M yang telah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris oleh Edgar C. Knowlton Jr. dan



diterbitkan oleh UM Press pada 1962 (cetakan ke-4) dan 1970 (cetakan ke-5 di Tokyo).

Manuskrip ini adalah karya Francisco De Sa De Menezes, bertajuk Malaca Conquistada, cetakan pertama pada 1634, cetakan ke-2 pada 1658 dan cetakan ke-3 pada 1779, semuanya di Lisbon. Ringkasnya, manuskrip ini berbicara tentang bagaimanakah Tentera-Tentera Portugis menakluk Melaka dalam masa dua bulan, iaitu Julai dan Ogos 1511.

Kami tidaklah mahu membicarakan tentang peperangan tersebut disini, mungkin elok dibicarakan dalam suatu

makalah yang lebih ilmiah, dalam Seminar Ketamadunan Melaka katakan, itupun kalau ada yang berminat tentangnya, tetapi kami mahu membicarakan tentang Tentera-Tentera Bangsa Melayu dan Bangsa-Bangsa Antarabangsa yang mempertahankan Melaka dalam peperangan tersebut.

Siapakah ketua perang

Mungkin pada suatu masa nanti, Kerajaan Melaka dibawah pimpinan YB Samsul Iskandar mahu meneliti Sejarah Melaka dengan terperinci semenjak 1402, Insya Allah. Lalu, maklumat yang kami sampaikan dibawah ini hanyalah menunjukkan siapakah Ketua Perang yang mengetuai ketombakan tentera yang dihantar oleh kerajaan masing-masing bagi mempertahankan Melaka.

Kajian lanjut haruslah dilakukan untuk mengetahui siapakah Ketua Perang berkenaan, dan siapakah tentera-tentera yang dipimpinya (ada sedikit maklumat disampaikan). Malah, keturunan Ketua Tentera ini haruslah diusahakan dikesan oleh pakar-pakar Sejarah Ketentera-

an Malaysia. Kami berikan maklumat berikut (dalam sebutan Portugis - lihat rajah 1)

Sekurang-kurangnya ada 13 ketombakan tentera yang mempertahankan Melaka tatkala itu. Ada beberapa maklumat yang agak menarik dibahaskan, contohnya siapakah Damur, ulama/ilmuwan yang baru pulang dari Mekah berkenaan? Apakah beliau ada meninggalkan khazanah bertulis seperti manuskrip? Ataukah, nama beliau ada disebut dalam teks bertulis di Mekah? Nama lama bagi pulau-pulau yang berada diantara China dan Jepun dahulunya adalah Luchu, dan ini merangkumi Okinawa (Jepun), Taiwan dan Hainan (China) sekarang. Jepun menakluk Kerajaan Melayu Okinawa (kami masih berusaha mengenali pastinya raja-rajanya dan khazanah tinggalannya) selepas 1650.

Seperti yang kami pertanyakan pada awalnya, siapakah Ketua-Ketua Perang ini? Apakah nama sebenar mereka? Apakah mereka memang bertugas di Melaka atau dihantar oleh kerajaan masing-masing mempertahankan Melaka? Apakah mereka ini dirakamkan dalam teks-teks bertulis dalam kerajaan mereka? Sepasukan penyelidik harus meneliti semua soalan ini, untuk mendapatkan kepastian jawapannya.

MELAKA:

Ardonio, Argeo/Argeao, Audali, Baturel, Belugano, Damur (ulama/ilmuwan yang baru pulang dari Mekah), Emirem, Eurillo, Guazel/Gazel (penghulu, abang Argeo), Indoraspiis (nakhoda), Raju, Rustacao/Rustam/Khan (ketua perang), Sarcamante, Turcafermo

PATANI:

Ariavo (ketua perang)

JAWA:

Tuan/Tuao Colascar (ketua perang)

BORNEO/BRUNEI:

Malano (ketua perang)

MINDANAO:

Ragois (ketua perang)

DARU/ARUS/DARUS:

De-Tayde/DeTayde/Deitayde/Detayde/De-Taide/Dataide (saudara lelaki Raja Daru dan ketua perang)

BINTANG/BERTANG/ BINTANG/BENTAN:

Ormonte (ketua perang tentera tambahan)

SIAM:

Batrao, Mulias

KEMBOJA:

Carol (ketua perang)

PEGU:

Eraspe (ketua perang)

LUCHU/FARMOSA/ TAIWAN/OKINAWA:

Cambir (ketua perang)

MONGOL-KHORASAN-TURKI:

Solimao (ketua perang)

GUJARATI:

Abdela/Audela/Abdala/Audala/Abdullah (orang kaya



Tokoh akademik Universiti Malaya, Profesor Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman dilantik menjadi Presiden dan Naib Canselor UNISEL yang ke-7 berkuatkuasa pada 1 Januari 2016. Pelantikan ini diumumkan Kerajaan Negeri melalui Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad melalui siaran akhbar pada 31 Disember 2015.

Prof Redzuan dilantik menggantikan Naib Canselor UNISEL sebelumnya iaitu Profesor Dr Anuar Ahmad yang tamat tempoh perkhidmatan beliau, pada 15 Disember 2015. Pelantikan ini dibuat Lembaga Pengarah Pendidikan Industri YS Sdn Bhd selepas mendapat syor daripada Jawatankuasa Gelintar (Search Committee) yang dianggotai wakil Kerajaan Negeri, wakil akademik UNISEL dan luar serta pihak industri.

Prof Redzuan mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang sejarah daripada Universiti Malaya (1981), ijazah sarjana daripada University of London, United Kingdom (1987) dan doktor falsafah dari University Edinburgh, United Kingdom (1994) dengan pengkhususan di dalam bidang sejarah. Bidang kepakarannya adalah sejarah dan politik di Timur Tengah, Islam dan politik di Malaysia serta Pilihan Raya dan Demokrasi di Malaysia. Kepakaran yang beliau miliki khususnya dalam bidang Timur Tengah menyebabkan beliau dilantik sebagai profesor pelawat di Mesir.

Prof Redzuan mempunyai rekod yang cemerlang di Universiti Malaya sama ada dalam bidang akademik atau pentadbiran. Beliau yang bertugas selama lebih 30 tahun di universiti tertua di Malaysia itu memegang pelbagai jawatan penting. Ia termasuk Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (dekan yang pertama dilantik bersama Dekan Fakulti Sains melalui proses pemilihan dalam kalangan Anggota Senat, Jawatankuasa Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Dekan Kluster Sastera dan Sastera Ikhtisas, Jawatankuasa Induk Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICOE), Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan dan Kenaikan Pangkat,

Dari UMCEDEL ke UNISEL

Dr Mohammad Redzuan dilantik Naib Canselor

Beliau mahu membawa UNISEL menjadi sebuah universiti tersohor yang menjadi pilihan pelajar. Dengan pengalaman lebih 30 tahun di Universiti Malaya, beliau yakin pengalaman itu boleh diterjemahkan dalam usaha membawa UNISEL ke arah kecemerlangan

Universiti Malaya, Ahli Lembaga Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Pengerusi Jawatankuasa Penapisan Calon Staf Akademik (JPCSA), Universiti Malaya, (2013-2015), Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UM-cedel), Dekan Kluster Kemanusiaan dan Etika, Universiti Malaya, Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Ketua Jabatan Sejarah, Penyelaras Program Peradaban dan lain-lain.

Prof Redzuan juga mencipta sejarah tersendiri dalam bidang pendidikan di peringkat universiti dalam negara ini apabila sembilan calon di bawah penyaliaannya berjaya menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2014. Empat daripada sembilan



graduan PhD itu dari luar negara iaitu Indonesia, Mali, Iran dan Yaman manakala lima lagi pelajar Malaysia. Pada sama, Prof Redzuan adalah penerima Anugerah Pensyarah Cemerlang UM selama 13 tahun berturut-turut sejak 2001 sehingga bersara. Selain itu, beliau juga dipilih sebagai Dekan Cemerlang dan Penyelia Terbaik Penyelia Terbaik (berjaya menghasilkan 25 orang graduan PhD).

Pencapaiannya dalam bidang penyelidikan juga amat membanggakan apabila memenangi buat pertama kalinya Anugerah Pingat Emas bagi kategori Sains Sosial, Pencipta dan Anugerah FRGS penyelidikan terbaik berkaitan dengan Pilihan Raya. Selain itu, daripada segi penerbitan, beliau menghasilkan lebih 20 buku, lebih 50 bab Buku dan lebih 60 artikel.

Apabila ditanya tentang wawasan masa depan UNISEL, beliau mahu membawa UNISEL menjadi sebuah universiti tersohor yang menjadi pilihan pelajar. Dengan pengalaman lebih 30 tahun di Universiti Malaya, beliau yakin pengalaman itu boleh diterjemahkan dalam usaha membawa UNISEL ke arah kecemerlangan.



OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Santai GeMS (Generasi Idaman Selangor) Ambang 2016 di Dataran Kemerdekaan, di sini berlangsung meriah apabila dibanjiri 10,000 hadirin pada malam 31 Disember lalu.

Penceramah terkenal, Ustaz Abdullah Khairi, berkata lebih membanggakan apabila dianggarkan lebih 70 peratus hadirin pada sambutan tahun baru berkonsepkan santai dengan pengisian ilmu keagamaan bersulamkan hiburan itu adalah anak muda.

"Kita dapat lihat kebanyakan yang datang pada malam ini adalah anak muda, dahulu susah kita nak lihat pemandangan seperti ini.

"Dahulu yang nak datang program seperti ini semuanya adalah 'anak muda' berumur 60 tahun lebih," kata Abdullah disambut dengan gelak ketawa hadirin.

Selain Abdullah, sambutan itu dimeriahkan beberapa penceramah terkenal seperti Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Haslin Bollywood, dan Ustaz Mohd Jaafarudin Md Ali.

Artis terkenal tanah air seperti Yana Samsudin, Afdlin Shauki, Abam Bocey, Ajak dan Shahrul daripada kumpulan Shiro serta Diana Amir turut mewarnai acara.

Acara yang dimulakan dengan penampilan Ustaz Mohd Jaafarudin dan Diana Amir diteruskan dengan solat Isyak berjemaah yang dipimpin Imam Masjid Negeri.

Seterusnya, pentas dihangatkan dengan penampilan Ajak, Shahrul dan Yana Samsudin dengan lawak bersahaja yang sarat dengan unsur mendidik anak muda ke arah kebaikan.

Keadaan bertambah gegak gempita dengan gelak ketawa orang ramai apabila

Selebriti pikat ribuan anak muda

Santai GeMS Ambang 2016 tampil kelainan



Lebih membanggakan apabila dianggarkan lebih 70 peratus hadirin pada sambutan tahun baru berkonsepkan santai dengan pengisian ilmu keagamaan bersulamkan hiburan itu merupakan anak muda

munculnya Ustaz Haslin Bollywood dan Ustaz Abdullah.

Kira-kira jam 11.00 malam, tiba giliran yang dinantikan apabila penceramah bebas terkenal, Ustaz Azhar Idrus menyertai barisan pelawak yang sedia menunggu di pentas.

Kehadiran beliau bukan sahaja untuk menjawab beberapa soalan agama,

bahkan beliau turut memainkan ukulele, di samping Ajak dan Abam yang menyampaikan lagu bertajuk Katak dipopularkan Mark Adam.

Kira-kira jam 12.00 malam sebagai penutup acara, Shah Alam digemakan dengan bacaan Asma Ul Husna oleh barisan selebriti di atas pentas dengan disertai Exco Kerajaan Selangor dan orang ramai.



Artis terkenal teruja jayakan Santai GeMS

SHAH ALAM - Artis terkenal tanah air melahirkan rasa teruja apabila diberi peluang bergabung dengan tokoh agama bagi menjayakan sambutan tahun baru berkonsepkan santai, keilmuan dan diselang-selikan dengan hiburan lawak jenaka.

Artis yang sempat ditemui SelangorKini turut sependapat menyarankan supaya program berkonsep sama dengan Santai GeMS (Generasi Idaman Selangor) Ambang Tahun 2016 diadakan lebih kerap.

"Saya rasa tahun baru memang patut kita sambut dengan majlis ilmu. Sambil berhibur, kita mendapat ilmu untuk menempuh kehidupan pada tahun mendatang," kata pelakon dan pengarah terkenal, Afdlin Shauki.

Yana Samsudin pula mencadangkan supaya program seumpama itu diadakan setiap kali

menjelangkan musim cuti panjang, sekali gus menonjolkan Shah Alam sebagai kota ilmu dan pada masa sama juga kota seni.

"Aktiviti begini harus dkerapkan. Barisan ustaznya memang hebat. Bagi saya sejam macam tak cukup. Boleh buat *volume 1*, *volume 2* dan seterusnya," katanya.

Shahrul Shiro pula berkata, artis dan tokoh agama jemputan berjaya menarik pengikut masing-masing termasuk golongan mat rempit, sekali gus menyaksikan Dataran Kemerdekaan dibanjiri lebih 7,000 hadirin.

"Saya teruja menjayakan acara ini dan amat bangga kerana program seperti ini yang saya nak.

"Gabungan ustaz dan rakan artis sangat bijak, apabila kami bersama atas satu pentas mampu menarik ramai penonton dari pelbagai lapisan," katanya.

Ajak Shiro: Tahniah Selangor

SHAH ALAM - Pelawak terkenal, Ajak Shiro mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor atas kejayaan menganjurkan sambutan ambang tahun baru dengan konsep santai, bercorakan keilmuan dan diselang-selikan dengan hiburan lawak jenaka.

Katanya, pengalaman kali pertama terlibat dengan program Santai GeMS (Generasi Idaman Selangor) Ambang Tahun 2016 kali ini amat berbeza dengan sambutan ambang tahun baru yang pernah disertai sebelumnya.

"Program ini sangat bagus, kita menyambungkan tahun baru dengan program keilmuan dan pada masa sama dapat bersantai bersama keluarga.

"Dalam sejarah hidup saya inilah kali pertama buat persembahan tahun baru dengan bersong-

kok. Santai GeMS harus dikekalkan sebab kita dapat tengok ribuan orang bersesak yang saya tak tahu berapa nak anggarkan tetapi yang pasti kebanyakan mereka adalah anak muda," katanya kepada SelangorKini.

Sementara itu, Abam Bocey pula menyifatkan program ini perlu diteruskan kerana mampu menjadi alternatif untuk anak muda yang cenderung dan dahagakan program keilmuan bersulam hiburan berbanding bercorak lebih kebaratan.

"Program malam ini adalah sesuatu yang baru bagi saya kerana kita menyambut tahun baru dengan cara yang lebih berfaedah dan bukan dengan cara barat tetapi yang menonjolkan program Islamik.

"Saya teruja kerana dijemput menyertai program yang ada lawak jenaka berlandaskan Islam. Perlu dkerapkan," katanya.



Masyarakat sambut baik

Liqa' Ukhuwah tampil acara ilmu

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Program Liqa' Ukhuwah sempena sambutan Maulidur Rasul dan Tahun Baru anjuran SACC Convec Sdn Bhd mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Ketua Pegawai Eksekutif SACC, Shuhainie Shamsudin, berkata program itu bakal diteruskan di masa hadapan dengan penambahbaikan bagi memeriahkan program itu.

"Azam 2016, kita akan menambahkan dengan memperbanyakkan program bermanfaat dan berilmu supaya boleh berlangsung lebih daripada sehari.

"Kita juga akan membuat penambahan slot acara lebih menarik seperti persembahan nasyid atau qasidah bagi menarik lebih ramai anak muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Liqa' Ukhu-

wah bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam, pada 1 Januari lalu.

Program itu mendapat kerjasama daripada Menteri Besar Incorporated (MBI) bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Semesta Sdn. Bhd, Selgate Corporate Sdn Bhd, Pharmaniaga Berhad, SelangorKini dan Nestle.

Bertemakan 'Memperkasakan Azam, Merapatkan Ukhuwah', acara sehari itu secara khusus mengupas cabaran kewangan, ekonomi dan isu keharmonian masyarakat yang berlaku masa ini.

Antara pro-

gram menarik yang berlangsung adalah ceramah daripada Profesor Dr Muhaya, Ustaz Pahrol Mohamad Juoi, Imam Muda Asyraf dan Ustazah Sharifah Khasif.

Pengunjung juga berpeluang melihat pameran dan juga berkongsi pandangan bersama Zahariz Khuzaimah, Pengembara solo berbasikal merentasi benua Asia.

Sementara itu, golongan kanak-kanak pula dihiburkan dengan pelbagai aktiviti melalui zon Khalifah Kecil bersama Upin dan Ipin.

Selain itu, hampir 30 bazar menjual pelbagai barangan menarik bermula jam 11 pagi hingga 10 malam di perkarangan Pusat Konvensyen Shah Alam.

TINJAUAN ORANG RAMAI
MASYARAKAT PUJI ACARA SARAT ILMU

Pengisian Liqa' Ukhuwah yang sarat dengan pelbagai program ilmiah dan keagamaan memberi manfaat kepada orang ramai terutama golongan berkeluarga

Pemulaan yang bagus untuk tahun baru dengan mengadakan program ini termasuk ceramah daripada penceramah yang terkenal. Berbeza dengan sesetengah majlis ilmu yang memerlukan bayaran masuk tetapi hari ini ia percuma

Norziana Md Ali Pengajar



Program seumpama ini wajar diteruskan berbanding sambutan tahun baru dengan konsert yang meleakakan anak muda.

Pihak penganjur perlu baiki dalam mempromosikan supaya lebih terkesan kerana program hari ini sangat menarik dan harus dihebahkan kepada orang ramai tetapi kurang diketahui umum

Wan Zulaiha Wan Zabidi Pengunjung

Ia membantu masyarakat mendapatkan ilmu daripada penceramah yang disegani. Kita dapat bersoal jawab dengan Ustaz Pahrol mengenai perkara yang kurang jelas secara berdepan

Mohd Salman Operator



Zaharis cadang berbasikal ke Himalaya

SHAH ALAM - Zahariz Khuzaimah, bekas pensyarah di sebuah kolej swasta yang membuat keputusan berbasikal secara solo merentasi benua Asia akan kembali menyambung pengembaraannya ke Himalaya, Tibet.

Zahariz berkata, beliau akan memulakan pengembaraan selama setahun dalam masa beberapa minggu lagi.

"Azam tahun ini, saya akan berbasikal ke Himalaya bagi mengembang dan menambah pengalaman selain melihat juga merasai perkara baru terutama bahasa ibunda mereka.

"Himalaya menjadi pilihan kerana saya sangat berminat ingin mengetahui lebih lanjut kehidupan penduduk di sana termasuk adat dan budaya mereka," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas slot 'Sejam bersama Zahariz Khuzaimah' di Liqa' Ukhuwah bertempat di Pusat Konven-

syen Shah Alam, di sini, pada 1 Januari lalu.

Katanya, bagi anak muda yang berniat memulakan langkah pengembaraan, mereka tidak perlu merancang kerana kebiasaannya perkara yang dirancang tidak selalu menjadi.

"Sebenarnya nak *travel* ni tak perlukan duit yang banyak. Saya memulakan pengembaraan dengan kos sedikit.

"Saya mengembara hanya dengan basikal, beg perkemahan dan minum air sungai. Kos sara hidup di Kuala Lumpur sebenarnya lebih tinggi daripada kita keluar mengembara," katanya.

Beliau menasihatkan anak muda supaya tidak gentar untuk keluar mengembara melihat kehidupan lain kerana di situ mereka akan peroleh lebih banyak idea, mengenal orang baru dan peluang lebih cerah dalam setiap perkara kerana keberanian yang semakin tinggi dalam diri.



Peniaga abai kebersihan

MPK sedia kompaun RM2,000



KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) tegas melaksanakan penguatkuasaan undang-undang kebersihan apabila sedia mengenakan kompaun sehingga RM2,000 kepada peniaga ingkar.

Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi, berkata tindakan itu diambil berikutan kegagalan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan sehingga menyebabkan pembiakan lipas dan tikus.

"Peniaga di pasar besar seharusnya sedia maklum berkenaan kepentingan memastikan kebersi-

han setiap masa.

"Keadaan kotor mengundang haiwan perosak yang membawa pelbagai kesan sampingan lain seperti jangkitan penyakit," katanya dalam kenyataan.

Adi berkata, dalam operasi itu, 449 premis diperiksa dan 40 notis pematuhan dikeluarkan terhadap peniaga.

"Selain Pasar Besar Klang, dua lagi lokasi pasar iaitu di Pelabuhan Klang dan pasar petang di Kapar dipantau dari semasa ke semasa," katanya.

Peniaga di pasar besar seharusnya sedia maklum berkenaan kepentingan memastikan kebersihan setiap masa

ADI FAIZAL
Setiausaha MPK

Dua 'projek' besar majukan Kuala Selangor

KUALA SELANGOR - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mensasarkan dua 'projek' besar 2016 bagi menjadikan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sebagai perbandaran dan pusat pelancongan terkenal.

Setiausaha MDKS, Azhari Sairin, berkata pihaknya kini dalam proses permohonan meningkatkan status PBT itu kepada perbandaran kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk pertimbangan serta kelulusan.

"Kita sudah mengemukakan permohonan untuk menjadi perbandaran melalui sektoral kerajaan majlis tempatan di peringkat Kerajaan Negeri dan kepada Kerajaan Tempatan di peringkat persekutuan.

"Sekarang, masih menunggu keputusan bagi permohonan

itu, walaupun sasaran kita pada 2015," katanya.

Katanya, MDKS memperuntukkan RM3.64 juta untuk tujuan pembangunan bagi PBT itu, pada tahun ini.

Beliau berkata, kini MDKS giat mempromosikan daerah Kuala Selangor sebagai ekopelancongan, agro-pelancongan dan program pendidikan pelancongan bagi memajukan daerah itu.

Katanya, MDKS menjangkakan pembangunan Bandar Lama Kuala Selangor pada 2020.

"Untuk pembangunan bagi Bandar Malawati meliputi pembangunan Pekan Lama Kuala Selangor, Taman Ikan Air Tawar and Taman Alam Kuala Selangor," katanya ketika Majlis Ramah Mesra bersama media.

MDKS lancar saluran integriti banteras rasuah

KUALA SELANGOR - Demi meningkatkan nilai integriti dalam khidmat pelanggan, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mewujudkan saluran integriti untuk orang awam menyalurkan aduan secara terus.

Yang Dipertuanya, Noraini Roslan, berkata ia adalah komitmen berterusan MDKS membanteras salah laku dan kegiatan rasuah dalam kalangan kakitangan.

Katanya, ia ke arah mewujudkan tadbir urus yang adil, telus

dan bebas rasuah.

"MDKS perlu menjadi *role model* kepada masyarakat dalam mendidik mereka untuk tidak terlibat dalam sebarang jenayah rasuah," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, penting untuk kakitangan mengikut peraturan dan prosedur kerja ditetapkan supaya tidak wujud tanggapan negatif daripada masyarakat.

Katanya, orang ramai boleh membuat aduan berkaitan salah laku rasuah atau disiplin melibat-

kan kakitangan MDKS di aimdks@mdks.gov.my.

Pada masa sama, majlis penghargaan diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan ahli majlis yang tamat perkhidmatan pada 31 Disember 2015 bersempena perhimpunan bulanan MDKS.

Beliau mengucapkan terima kasih di atas khidmat mereka selama ini dan berbangga dengan pencapaian dan prestasi kerja ditunjukkan sepanjang menjawat jawatan.

i-Kajang permudah orang ramai lapor aduan



KAJANG - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memperkenalkan aplikasi i-Kajang bagi memudahkan orang awam mengemukakan aduan secara terus tanpa sebarang bayaran.

Yang Dipertua MPKj, Mohd Sayuthi Bakar, berkata aplikasi yang boleh dicapai dengan memuat turun daripada telefon pintar itu inisiatif terbaru selari mengikut perkembangan teknologi laman

sosial masa kini.

"Orang ramai kini digalakkan melaporkan secara spontan kejadian atau masalah berhubung perbandaran seperti tanah runtuh, lampu jalan rosak atau banjir.

"Ia juga membantu dan memudahkan MPKj melaksanakan tugas melalui maklumat bersumberkan orang awam," katanya.

Majlis perasmian aplikasi itu

disempurnakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di Kompleks Hentian Kajang, Jalan Reko, pada 4 Januari lalu.

Mohd Sayuthi berkata, aplikasi i-Kajang menjimatkan kos operasi MPKj dengan membantu mengurangkan tenaga kerja.

Katanya, selain itu capaian maklumat pantas bakal diperolehi dan meningkatkan kesedaran sivik kepada orang awam.



Pengunjung Bukit Melawati berkesempatan bermain sambil memberi makanan kepada monyet spesis *Silver-Leafed*

Kurangkan sisa pepejal

MBSA terima 'Green Apple Award'

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memenangi anugerah bertaraf antarabangsa 'Green Apple Award' di bawah kategori 'Best Environment Practice' baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata kejayaan itu diperolehi selepas pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mengetengahkan hasil Projek Pengurangan Sisa Pepejal Untuk Kelestarian Alam Sekitar yang dilaksanakan di kawasan seliaannya.

"Penganugerahan dan pengiktirafan ini menjadi dorongan dan motivasi kepada warga kerja MBSA untuk memberi perkhidmatan lebih cekap serta efisien kepada masyarakat.

"Pengiktirafan ini juga sebahagian daripada inisiatif berterusan MBSA menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya bertaraf dunia melalui percambahan ilmu dan pertukaran maklumat atau pengetahuan yang boleh meningkatkan imej MBSA di persada dunia," katanya dipetik Bernama.



"Green Apple Award 2015 dianjurkan The Green Organisation yang berpangkalan di United Kingdom bertujuan menggalakkan kempen alam sekitar dan mengiktiraf amalan menjaga alam sekitar yang diamalkan sesebuah pertubuhan, organisasi, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan kerajaan dari seluruh dunia.

"Green Apple Award 2015 dianjur-

MDKL sita lori buang sampah haram

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dalam operasi mengejutnya dilakukan baru-baru ini berjaya menahan dan menyita sebuah lori atas kesalahan membuang sampah haram.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata operasi itu dilakukan Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan MDKL di atas kesalahan membuang sisa sampah penjaja air kelapa di Jalan SP 2, Bandar Saujana Putra.

Katanya, tangkapan dan penahanan itu kerana melanggar

Undang-Undang Kecil (UKK) pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah MDKL 2007.

"Melihatkan kadar akur menjelaskan kompaun rendah, pesalah berdepan pendakwaan kes di mahkamah kerana ingkar menjelaskan kompaun dan jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda maksima RM2,000," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, sikap lebih bertanggungjawab serta cintakan alam sekitar dituntut bagi memastikan generasi kini

dan akan datang dapat menikmati kehidupan lebih baik.

Katanya, pemantauan serta penguatkuasaan dilakukan setiap hari hasil kerjasama orang awam yang memberikan maklumat serta aduan di kawasan kawalan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan juga Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat yang turut bersama menggerakkan pasukan bagi mengurangkan lokasi hotspot sampah haram.

Tiga tanjakan haram dimusnah

SHAH ALAM - Sebanyak tiga unit tanjakan (ramp) tanpa kebenaran yang menghalang petak pakir dipecahkan dalam Operasi Pecah Tajakan Haram di Seksyen 32, di sini baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat & Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata penggunaan petak pakir tanpa kebenaran untuk tujuan perniagaan adalah satu kesalahan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).

"MBSA menggunakan sebuah jentera 'excavator' untuk menanggalkan tanjakan itu.

"Operasi itu melibatkan 13 kakitangan daripada Seksyen

Pengurusan Hasil, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasaan dan Bahagian Korporat & Perhubungan Awam," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, pemilik premis yang ingin menggunakan petak pakir bagi tujuan perniagaan, perlu membuat permohonan sewaan daripada MBSA dahulu.

Katanya, tindakan tegas termasuk memecahkan tanjakan akan dikenakan kepada pemilik premis yang ingkar.

Sebarang pertanyaan berkenaan sewaan petak letak kereta khas, boleh menghubungi Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kewangan MBSA di talian 03-5522 2882.



MDKS ambil tindakan penjaja langgar peraturan

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mengambil tindakan menyita beberapa penjaja makanan selepas mengabaikan empat notis larangan yang dikeluarkan, pada 7 Oktober lalu.

Setiausahanya, Azahari Sairin, berkata MDKS terpaksa mengambil tindakan terhadap penjaja makanan di kawasan tempat letak kereta dan bahu jalan di hadapan sebuah pasar raya di Kuala Selangor.

"Sikap peniaga yang ingkar kepada arahan itu menyalahi konsep asal tapak penjaja ini diwujudkan yang melarang sama sekali meletakkan meja dan kerusi untuk pelanggan.

"Syarat sama juga dinyatakan sebelum permohonan lesen dikeluarkan kepada peniaga iaitu melarang sama sekali meletakkan meja dan kerusi untuk pelanggan makan serta minum di tapak penjaja," katanya.

Azahari berkata, tindakan menyita meja dan kerusi itu dilaksanakan di bawah Undang-Undang Kecil 42 (1) Undang-Undang Kecil Penjaja MDKS 2007 kerana melakukan kesala-

Sikap peniaga yang ingkar kepada arahan itu menyalahi konsep asal tapak penjaja ini diwujudkan yang melarang sama sekali meletakkan meja dan kerusi untuk pelanggan

AZAHARI SAIRIN
Setiausaha MDKS

han tidak mengikut syarat.

"Peniaga perlu mematuhi segala syarat dan peraturan untuk memudahkan kerja pemberian bagi mengelakkan kesesakan trafik ketika waktu puncak.

"Tindakan itu diambil bagi memastikan peniaga di bawah seliaan MDKS mematuhi syarat perniagaan yang ditetapkan," katanya.



Mula sekolah 8 pagi

Selangor mahu contohi Kelantan

OLEH AFEEDA AFEERA

SHAH ALAM - Selangor tidak menolak untuk mencontohi Kelantan memulakan sesi pengajian sekolah bermula jam 8 pagi di negeri itu.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata perkara itu harus disambut baik kerana mengambil kira sensitiviti masyarakat Islam.

Namun, katanya, ia harus dibincangkan bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak berkaitan jika mahu dilaksanakan.

"Setakat ini, semua sekolah

di Selangor masih kekal dengan sesi pengajian jam 7.30 pagi, namun kita tidak keberatan jika mahu membincangkan perubahan waktu.

"Perkara baik seharusnya digunapakai dan mungkin boleh dikuatkuasakan di sekolah jika bersesuaian," katanya pada 3 Januari lalu.

Semua pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) akan memulakan sesi pengajian 2016 pada jam 8 pagi dan berlarutan sehingga Jun berikutan perubahan waktu siang lebih singkat berbanding malam.

Bagaimanapun, sesi persekolahan akan kembali pada jam 7.30 pagi, 1 Julai ini selepas situasi kembali seperti biasa.



Selangor teramai kemasukan pelajar tahun satu dan tingkatan satu

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan kemasukan pelajar baru teramai di seluruh negara tahun ini melibatkan pelajar tahun satu dan tingkatan satu.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan, berkata seramai 448,677 murid memasuki tahun satu di 7,765 sekolah rendah seluruh negara, melibatkan 229,808 lelaki dan 218,869 perempuan.

Seramai 891,685 murid tahun satu dan tingkatan satu memulakan sesi persekolahan tahun ini di seluruh negara.

Selangor mencatatkan jumlah pelajar tahun satu paling ramai iaitu 89,419, diikuti Johor 54,492

murid dan Sabah (43,870).

Manakala bagi pelajar tingkatan satu paling ramai iaitu Selangor (83,368) murid, diikuti Johor (54,550) dan Sabah (41,945).

Berdasarkan statistik e-Daftar Rendah, kementerian berkata seramai 314,697 murid memulakan persekolahan tahun satu pada 4 Januari, manakala 133,980 dari Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu ada 3 Januari lalu.


Seramai 443,008 pelajar tingkatan satu memulakan sesi persekolahan di 2,402 sekolah menengah di seluruh negara.

Pada 2015, terdapat 438,869 murid tahun satu dan 352,999

i

- Seramai 891,685 murid Tahun Satu dan Tingkatan Satu memulakan sesi persekolahan tahun ini di seluruh negara
- Selangor catat jumlah pelajar tahun satu paling ramai iaitu 89,419, diikuti Johor (54,492) dan Sabah (43,870)
- Selangor catat jumlah pelajar tingkatan Satu paling ramai iaitu 83,368, diikuti Johor (54,550) dan Sabah (41,945)

murid tingkatan satu mendaftar bagi sesi persekolahan di seluruh negara.



Netizen beri reaksi pelbagai

SHAH ALAM - Pelbagai reaksi diberikan netizen berkenaan hasrat Selangor mengikut Kelantan menguatkuasakan sesi persekolahan jam 8 pagi.

Tinjauan Selangor Kini di Facebook mendapati pengguna bersetuju jika ia dilaksanakan di negeri itu bagi membolehkan urusan ibadah dilakukan dengan tenang.

"Waktu Subuh selepas jam 6 pagi, tetapi bas sekolah tiba jam 6.15 pagi, maka lebih bagus sekolah rendah sesi petang balik jam 6.15 petang supaya kami yang bawa van boleh ambil awal murid sekolah menengah," kata Acik Maz.

Ia dipersetujui Megat Firdaus yang berpendapat langkah itu memudahkan ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah di samping meluangkan masa bersarapan.

Bagi Ismi Putera Aizuddin, beliau bersetuju jika waktu sekolah dianjak ke jam 8 pagi, namun waktu pejabat di Selangor juga perlu ditukar lebih lewat supaya ibu bapa tidak tergesa-gesa.

"Baru relevan bagi ibu bapa

Baru relevan bagi ibu bapa yang hantar anak ke sekolah kerana sekarang mereka terpaksa hantar sebelum matahari terbit sebab kejar nak pergi kerja dan elak kesesakan lalu lintas

PUTERA AIZUDDIN Netizen

yang hantar anak ke sekolah kerana sekarang mereka terpaksa hantar sebelum matahari terbit sebab kejar nak pergi kerja dan elak kesesakan lalu lintas," katanya.

Bagaimanapun, ada juga kurang bersetuju dengan perkara itu kerana ia menyebabkan pelajar terpaksa pulang lewat.

"Kalau mula jam 8 pagi, nanti habis sekolah jam 2 petang kemudian jam 2.30 budak sudah masuk untuk sekolah agama pula.

Mohammad Redzuan Naib Canselor UNISEL ke-7

SHAH ALAM - Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL) ke-7, berkuatkuasa, 1 Januari lalu.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pelantikan itu dibuat Lembaga Pengarah Pendidikan Industri YS Sdn Bhd selepas mendapat syor Jawatankuasa Gelintar.

"Pengalaman luas dalam pendidikan dan rekod kepimpinan beliau pasti memberi manfaat dalam usaha memperkasakan UNISEL bersama universiti ter-

baik dunia," katanya, pada 31 Disember lalu.

Dr Mohammad Redzuan memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sejarah daripada Universiti Malaya (1981), Ijazah Sarjana daripada University of London, United Kingdom (1987) dan Ijazah Kedoktoran Falsafah dari Edinburgh University, United Kingdom (1994).

Beliau berkecimpung dalam bidang akademik lebih 30 tahun dan menyandang pelbagai jawatan termasuk Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) pada 2014 serta Timbalan



Dr Mohammad Redzuan

Pengerusi Institut Darul Ehsan. Beliau menggantikan Profesor Dr Anuar Ahmad yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 15 Disember 2015.



Bantu wanita bina kerjaya

Mentor Kraf Selangor buatkan hasil

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Keupayaan wanita dalam pengusahaan kraftangan bagi menjana pendapatan berjaya digerakkan menerusi program Mentor Kraf Selangor.

Sejak diperkenalkan Kerajaan Negeri pada 2011, ia mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta.

Timbalan Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Mas Sakdah Kamaruzzaman, berkata program itu terbukti membantu peserta memajukan diri dalam bidang diceburi.

"Kita berhasrat mengembangkan lagi industri kraftangan di Selangor dan sasaran utama adalah golongan ibu dan lepasan sekolah.

"Ia membolehkan mereka memperluaskan perniagaan dan menjana pendapatan," katanya dalam Program Mentor Kraf Selangor 2015, bermula 10 hingga 24 Disember lalu.

Penganjurannya memberi tumpuan kepada program latihan dan bimbingan industri serta keusahawanan berasaskan kraftangan gubahan tanah liat dan polimer kepada peserta terpilih.

Sementara itu, pengasasnya, Khadijah Ahmad, berkata program terbabit membuktikan minat terhadap industri kraf-



tangan adalah tinggi dan melebihi sasaran.

"Kita sasarkan 50 peserta tetapi yang hadir lebih daripada itu dan latihan diberikan bagi melahirkan pengusaha yang mampu dilantik sebagai ejen serta tenaga pengajar," katanya.

Program itu berhasrat melahirkan pengusaha industri kraftangan dalam bidang produk kayu, batik, songket, anyaman, rotan, hasil rimba, tempurung kelapa, gubahan, jahitan atau sulaman dan kraf orang asli.

Selangor ketika ini mempunyai kira-kira 170 pengusaha kraf berdaftar sama ada terbabit secara sepenuh masa atau sambilan.

TINJAUAN
ORANG RAMAI
**MENTOR
KRAF
SELANGOR**

**Mentor Kraf Selangor
lahir usahawan berjaya**

Program ini banyak membantu pengusaha membentuk keyakinan diri dan menjana pendapatan untuk meningkatkan ekonomi keluarga

**Sharifah Junaidah Syed Idrus,
45, Peserta**



Dengan bimbingan tenaga pengajar, ia banyak membantu kami untuk meningkatkan ilmu kraf seterusnya menjadi usahawan berjaya

**Nursharzi Bashar, 33
Peserta**



Bidang ini mampu melahirkan ramai usahawan berjaya lagi kreatif dan saya sarankan anak muda menceburinya untuk pulangan membanggakan

**Nurul Natasha Russelin, 22
Peserta**



Latihan PWB beri impak positif

SHAH ALAM - Usaha dan latihan berterusan Pusat Wanita Berdaya (PWB) membuahkan hasil positif sejak dilancarkan Kerajaan Negeri.

Ia terbukti apabila dua usahawan wanita Selangor memperkenalkan menu dipelajari melalui program PWB sebagai menu utama restoran mereka.

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata kejayaan mereka mempelajari pelbagai latihan bukan sahaja melalui masakan tetapi juga produk.

"Dua usahawan, Roslinda dan Ariza menjadikan menu Nasi Arab Muqlabah, Mee Sizzling

dan Tauhu Boom yang dipelajari dari PWB sebagai menu utama restoran.

"Ia sangat membanggakan apabila usaha PWB mendapat perhatian golongan wanita," katanya, pada 4 Januari lalu.

Pada masa sama, Daroyah berharap PWB akan terus mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat baik di kawasan bandar juga luar bandar.

"PWB sentiasa memberikan khidmat terbaik supaya golongan wanita berusaha menambah pendapatan keluarga di samping menjadikannya sebagai kerjaya," katanya.

Yana pilih Shah Alam luas perniagaan tudung

SHAH ALAM - Selebriti Norliana Samsudin berhasrat mengembangkan kariernya sebagai pelakon dan ahli perniagaan berjaya tahun ini.

Norliana atau Yana bakal meluaskan perniagaan tudungnya di Shah Alam bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri menjadikan bandar raya itu sebagai 'World Muslim Fashion City'.

"Alhamdulillah, pada 2015 saya berjaya mencambahkan

kariernya selain menceburkan diri dalam perniagaan tudung jenama YanabyYanaSamsudin.

"Januari ini butik saya akan siap di Seksyen 7, Shah Alam dan dijangka beroperasi pada Februari nanti," katanya, pada 31 Disember lalu.

Katanya, ketika ini tudung jenamanya boleh didapati di Facebook dan Instagram menerusi 48 stokis di seluruh negara, Brunei dan Singapura.



Mengulas aktiviti seni pada 2016, Yana berkata, filem seram lakonannya berjudul 'Happy Birthdeath' bakal diterbitkan.

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) sudah menyantuni keluarga ibu tunggal 14 anak, Azizah Ashaari, 52, sejak 2009.

Sebelum ini, tersiar di Astro Awani yang memaparkan keperitan keluarga itu dalam membuat persiapan persekolahan, 3 Januari lalu.

Menurut laporan berita itu, Azizah terpaksa meneruskan kelangsungan hidup untuk menyekolahkan anaknya dengan hanya menerima bantuan kewangan bulanan RM350 dari LZS.

LZS dalam satu kenyataan di laman *facebooknya* menyatakan selain menerima bantuan kewangan bulanan RM350 seperti disebutkan dalam laporan berita itu, beliau turut menerima bantuan bulanan makanan asas dan bantuan hari raya sebanyak RM850.

"LZS turut menyalurkan bantuan pendidikan bagi yuran dan kelengkapan persekolahan untuk anaknya.

"Pada 2016, bantuan pendidikan RM1,600 disalurkan kepada

Peduli nasib

LZS santuni ibu tunggal anak 14 sejak 2009

lima anaknya," katanya.

Sebagai tambahan, LZS akan menyalurkan bantuan tambahan untuk memberi kemudahan kepada anaknya berulang-alik ke sekolah.

Manakala, bantuan kewangan bulanan keluarga itu dinaikkan kepada RM500 berdasarkan kepada jumlah semasa tanggungan Azizah.

"Semoga bantuan yang disalurkan dapat meringankan beban keluarga ini. Selain itu, LZS juga berharap pihak berkaitan dapat merujuk kepada LZS terlebih dahulu untuk kesahihan sesuatu maklumat," katanya.

LZS turut menyalurkan bantuan pendidikan bagi yuran dan kelengkapan persekolahan untuk anaknya. Pada 2016, bantuan pendidikan RM1,600 disalurkan kepada lima anaknya



KEPERITAN HIDUP IBU TUNGGAL BERANAK 14

PKNS Real Estate anjur pertandingan azan dan musabaqah



SHAH ALAM - Seramai 20 peserta menyertai pertandingan azan dan musabaqah Al-Quran sempena sambutan Maulidil Rasul anjuran PKNS Real Estate di Kompleks PKNS baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Real Estate, Sr Fakru Radzi Ab Ghani, berkata pihaknya berhasrat untuk menambah baik program

seumpama itu dengan pelbagai pengisian keagamaan pada masa depan.

"Peserta yang menyertai pertandingan itu merangkumi pelbagai peringkat umur dewasa dan kanak-kanak.

"Perkembangan dan sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat kita berhasrat

untuk menambah baik program ini dapat diteruskan dengan yang terbaru sempena Festival Ramadan (FESTIRA)," katanya dalam kenyataan.

Turut hadir pemenang qariah peringkat kebangsaan, Siti Husnaa Hassan yang memperdengarkan bacaan ayat suci Al-Quran disamping juri pertandingan.

LZS: Rujuk pusat zakat elak fitnah

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan supaya merujuk kepada pusat zakat berhampiran bagi mendapatkan maklumat tepat berkenaan pengurusan zakat di negeri ini.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam *posting* di Facebook berkata, langkah itu bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin merumitkan keadaan jika dirujuk kepada pihak salah.

LZS turut menasihatkan orang ramai supaya menghubungi pusat zakat jika berlaku perkara mencurigakan termasuk laporan berkenaan asnaf.

"Jika anda terjumpa orang miskin, jangan terus sebar di media sosial, tetapi hubungi dahulu pusat zakat kerana boleh jadi mereka sudah menerima bantuan namun atas sebab tertentu meninggalkan rumah dan menjadi gelandangan.

"Dengan cara ini, kita dapat mengelakkan fitnah sesama sendiri," katanya.

Pada masa sama, LZS berkata, kecanggihan teknologi masa kini membolehkan informasi berkenaan agihan atau pengaliran wang zakat diperolehi secara mudah.

Katanya, LZS membangunkan pelbagai medium atau akses antaranya laman sesawang, blog, laman sosial Facebook dan Twitter serta kaunter perkhidmatan.

"Malah, pegawai LZS juga turun ke ceruk desa dan kota bercerita berkenaan

Jika anda terjumpa orang miskin, jangan terus sebar di media sosial, tetapi hubungi dahulu pusat zakat kerana boleh jadi mereka sudah menerima bantuan namun atas sebab tertentu meninggalkan rumah dan menjadi gelandangan. Dengan cara ini, kita dapat mengelakkan fitnah sesama sendiri

agihan zakat. Pendek kata, tidak patut lagi ada orang berkata LZS atau pusat zakat tidak buat kerja menyalurkan maklumat zakat," katanya.



SUMBANGAN BAGI TUJUAN

1. Pengajian Al-Quran secara percuma
2. Menyiapkan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 8602413238 (CIMB)



OLEH HAFIZAN TAIB

Tekad lakukan terbaik

Zainal Abidin hargai kepercayaan FAS

SHAH ALAM - Zainal Abidin Hassan bertekad melakukan yang terbaik buat Selangor bagi meneruskan kecemerlangan dalam Liga Super Malaysia musim hadapan.

Beliau yang dilantik selaku ketua jurulatih baru skuad Red Giants merakamkan penghargaan kepada pengurusan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) khususnya Presiden, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali atas kepercayaan diberikan bagi menggalas tanggungjawab itu.



Semangat juang tinggi dan kerjasama berpasukan bakal mencatatkan kejayaan seperti sebelumnya

ZAINAL ABIDIN
Ketua Jurulatih Selangor

"Alhamdulillah, ia sudah terjawab dengan Selangor memilih saya. Saya akan berusaha meneruskan kejayaan cemerlang untuk Selangor yang juga pasukan kelahiran saya," katanya kepada SelangorKini, di sini, pada 31 Disember lalu.

Zainal yang memulakan karier sebagai pemain bersama Selangor, berkata beliau amat memahami kehendak dan keinginan pengurusan serta peminat Red Giants yang begitu tinggi mahu melihat pasukan terus berjaya dengan deretan kejayaan cemerlang dalam kancas bola sepak tempatan.

Katanya, semangat juang tinggi dan kerjasama berpasukan bakal mencatatkan kejayaan se-

perti sebelumnya.

"Saya tahu tahap dan kehendak pasukan. Keinginan mereka dalam bola sepak tempatan amat tinggi, sama ada juara atau tidak, memang kehendak itu tinggi.

"Selepas Selangor menjuarai (Piala Malaysia 2015), bukan kata tekanan kerana ia sentiasa ada tetapi harapan itu menjadi lebih tinggi," kata bekas jurulatih Pahang itu.

Pelantikan sebagai ketua jurulatih Selangor adalah pertama kali bagi Zainal yang sebelum ini meraih kejayaan selaku pemain dengan skuad Merah Kuning apabila muncul juara Piala Malaysia pada 1981, 1982 dan 1997.

Zainal turut cemerlang ketika mewakili Pahang dengan menjuarai piala kebangsaan bola sepak tempatan itu pada 1983 dan sebagai jurulatih membantu skuad Tok Gajah muncul juara pada 2014.

Mantan pemain kebangsaan itu berterima kasih kepada Persatuan Bolasepak Pahang (PFA) yang berkorban dan memahami kehendaknya yang ingin berada hampir dengan keluarga serta bersama pasukan di Lembah Klang.

Beliau mengambilalih tugas Mehmet Durakovic, pengendali dari Australia, yang membantu Selangor muncul juara Piala Malaysia tahun lalu.

Ronaldinho bakal bawa impak besar

SHAH ALAM - Kehadiran pemain kelahiran Liberia, Patrick Ronaldinho Wleh ke dalam skuad Red Giants dijangka memberi impak positif dalam menghadapi saingan Liga Super musim hadapan.

Ketua jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkata pengurusan pasukan menandatangani kontrak dengan mantan pemain PKNS FC itu yang mempamerkan aksi terpuji dalam saingan liga musim lalu.

"Memang satu kebaikan untuk Selangor apabila pengurusan

pasukan membuat pilihan tepat mengambil Ronaldinho daripada PKNS FC.

"Dia bermain dengan baik dalam liga dan saya rasa kemasukannya akan memberi impak lebih baik kepada Selangor," katanya kepada SelangorKini, di sini, pada 31 Disember lalu.

Beliau berkata, seorang lagi pemain import kini dalam radar Merah Kuning dan prosesnya dikatakan mencapai tahap terakhir untuk dibawa ke dalam pasukan.

"Saya harap perkara ini berjalan

lancar supaya ia dapat meningkatkan lagi kualiti skuad Red Giants," katanya.

Katanya, skuad sedia ada sudah membuktikan kemampuan dengan memberikan cabaran bermakna dalam saingan liga sehingga berjaya menjuarai Piala Malaysia musim lalu.

Katanya, kehadiran beberapa pemain baharu dalam kalangan tenaga import juga tempatan diharapkan mampu menambah baik pasukan dalam menghadapi saingan liga lebih mencabar ter-

masuk pertandingan Piala Fa, Piala Malaysia dan Piala AFC.

"Kita tak nafikan kemampuan pemain tempatan sedia ada hingga berjaya membawa Selangor menjuarai Piala Malaysia dan penambahan pemain akan membawa lebih kebaikan bagi pasukan.

"Sebagai pasukan juara, kita mahu memberi cabaran bermakna termasuk dalam saingan Piala AFC dan memerlukan sejumlah pemain yang baik dengan kemampuan hampir setara," katanya.

Selangor kehilangan dua tenaga import, Guilherme de Paulo Lucrecio dan Leandro Dos Santos yang tamat kontrak, manakala kuota ketiga diisi Ronaldinho ke dalam skuad yang sudah memiliki Robert Cornthwaite dan Andik Vermansyah.

Kelibat pasukan Merah Kuning dalam Liga Super kali ini dijangka menjadi tumpuan dan pastinya mencabar apabila turut layak beraksi dalam saingan Piala AFC selepas muncul naib juara liga musim lalu.

Andik kongsi bonus juara Piala Malaysia

SHAH ALAM - Pemain import Selangor, Andik Vermansyah menggunakan sebahagian bonus diterima sebagai juara Piala Malaysia 2015 untuk amal kebajikan kepada rumah anak yatim melalui yayasan di Surabaya dan berzakat.

Katanya, perkara itu sudah dilakukannya sejak bermain bersama pasukan Persebaya Surabaya Junior sehingga kini.

Beliau juga mengakui berangan-angan untuk membahagikan rezeki diterimanya kepada mereka yang memerlukan ketika masih belum bergelar pemain profesional.

"Ini kewajiban yang tidak boleh saya tinggalkan. Saya tidak akan jatuh miskin kerana beramal. Justeru, saya merasa rezeki semakin lancar kerana memberi.

"Mungkin kerana doa mereka. Doa anak yatim dan fakir miskin cepat dikabulkan tuhan," katanya dipetik laman sesawang Football Channel Malaysia.

Menurut laman sesawang itu, Andik turut berkongsi kegembiraan menerima bonus dengan membawa kaum keluarga terdekatnya bercuti di Lombok.

Mendapat pelepasan daripada ma-



Andik (depan, kiri sekali) bersama skuad Red Giants

jikannya selama dua minggu, Andik menggunakan masa itu untuk bersama keluarga.

"Saya bekerja untuk mereka. Kalau keluarga senang, saya juga senang. Kerana saya berprinsip, kebahagiaan keluarga adalah nombor satu," katanya.

Disebabkan itu, Andik mengakui menyediakan sebahagian daripada bonus kemenangan diterimanya un-

tuk dibelanjakan dalam 'family-trip' itu.

"Mereka dahulu bersama saya saat masih belum punya apa-apa. Sekarang, saya ada rezeki lebih dan ingin berkongsi kebahagiaan dengan mereka.

"Saya hidup untuk orang tua, saudara, dan teman. Kerana itu, saya harus ingat mereka yang nasibnya kurang beruntung," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
8 - 15 JANUARI 2016							
27 RABIULAWAL - 5 RABIULAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
8 Jumaat	5.51	6:01	7.20	1:22	4:45	7:19	8:33
9 Sabtu	5.51	6:01	7.21	1:23	4:45	7:19	8:33
10 Ahad	5.52	6:02	7.21	1:23	4:46	7:20	8:34
11 Isnin	5.52	6:02	7.22	1:24	4:46	7:20	8:34
12 Selasa	5.53	6:03	7.22	1:24	4:46	7:21	8:35
13 Rabu	5.53	6:03	7.22	1:24	4:47	7:21	8:35
14 Khamis	5.54	6:04	7.23	1:25	4:47	7:21	8:35
15 Jumaat	5.54	6:04	7.23	1:25	4:48	7:22	8:36
Sabak, Bemah, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Jumaat	5.53	6:03	7.25	1:24	4:47	7:21	8:35
09 Sabtu	5.53	6:03	7:25	1:25	4:47	7:21	8:35
10 Ahad	5.54	6:04	7:26	1:25	4:48	7:22	8:36
11 Isnin	5.54	6:04	7:26	1:26	4:48	7:22	8:36
12 Selasa	5.55	6:05	7:26	1:26	4:48	7:23	8:37
13 Rabu	5.55	6:05	7:27	1:26	4:49	7:23	8:37
14 Khamis	5.56	6:06	7:27	1:27	4:49	7:23	8:37
15 Jumaat	5.56	6:06	7:27	1:27	4:49	7:24	8:38

Kontrak dua tahun

Zainal Abidin Hassan jurulatih baru Selangor

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) melantik Zainal Abidin Hassan sebagai jurulatih skuad bola sepak Red Giants yang baru bagi tempoh dua tahun.

Perkara itu diumumkan Pengurus Pasukan Liga Super Selangor, Amirudin Shari, pada 31 Disember lalu selepas mengambil kira pengalaman dan pencapaian beliau selaku jurulatih sejak hampir 14 tahun.

Zainal memulakan tugas rasmi selaku jurulatih pasukan Selangor bermula 1 Januari dan akan mengemudi latihan, bermula 5 Januari lalu.

"Kehadiran Zainal diharap dapat me-

ningkatkan prestasi dan keupayaan kem kejurulatihan Selangor bagi menghadapi musim 2016 yang mencabar," katanya.

Berhubung kedudukan Mehmet Durakovic, Amirudin berkata, kedua-dua pihak sudah mencapai persetujuan bersama bahawa kontrak beliau ditamatkan lebih awal dengan bayaran penebusan kontrak.

Katanya, FAS menawarkan peranan baru kepada Durakovic untuk membimbing bakat muda di Selangor, namun beliau memilih berehat sementara bersama keluarga.

"FAS akan mencari masa yang se-

suai bagi menyelaraskan semula penglibatan Mehmet Durakovic untuk pembangunan masa depan bola sepak Selangor.

"Kami mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan atas daya usaha dan bakti selama beliau berada di dalam pasukan ini," katanya.

FAS juga sudah menandatangani kontrak secara rasmi bersama Patrick Ronaldinho@Wleh selama setahun sebagai pemain import ketiga.

Patrick yang berusia 25 tahun adalah bekas pemain PKNS FC bagi musim 2013-2015 turut bersama Sime Darby FC pada 2012.



MUKA BARU PEMBANTU JURULATIH

Penolong Jurulatih
K GUNALAN

Jurulatih Penjaga Gol
AZLISHAM IBRAHIM

Jurulatih Kecergasan
NORHUDAHIROSHI RAZAK



Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkesempatan mencuba sukan rakyat ketika Program Sukaneka & Hi-Tea bersama penduduk Ukay Perdana berlangsung. Program anjuran JKP MPAJ Zon 4 itu bertempat di Padang Permainan MPAJ Ukay Perdana dan dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 300 penduduk setempat.

Gambar oleh Remy Ariffin

Teruskan kegemilangan Red Giants

HULU KLANG - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan pertukaran jurulatih adalah perkara biasa untuk mengembalikan dan meneruskan kecemerlangan pasukan Selangor.


Katanya, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan khas kepada sukan bola sepak sejak setahun lalu yang sudah membawa impak positif hingga berjaya menjulang Piala Malaysia musim 2015.

"Memang ada perbincangan lama untuk melihat bagaimana Selangor dapat meningkatkan semula kegemilangan bola sepak.

"Alhamdulillah, kita berjaya merampas Piala Malaysia selepas 10 tahun. Kesungguhan ini perlu diteruskan kerana bola sepak adalah sukan rakyat membabitkan semua di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta menugul tindakan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) melantik bekas jurulatih Pahang, Zainal Abidin Hassan bagi menggantikan Mehmet Durakovic.

Kehadiran Zainal juga diharap dapat meningkatkan prestasi dan keupayaan kem kejurulatihan Selangor bagi menghadapi musim 2016 yang mencabar.



Alhamdulillah, kita berjaya merampas Piala Malaysia selepas 10 tahun. Kesungguhan ini perlu diteruskan kerana bola sepak adalah sukan rakyat membabitkan semua di Selangor

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar